3.30 Petang – 5.00 Petang	<i>Niswah Sharing Session</i>
9.00 Malam – 10.30 Malam	Kunjung Hormat YAB Menteri Besar Negeri Kelantan (Yang Amat Berhormat Dato` Bentara Kanan Ustaz Haji Ahmad Bin Yakob) * Delegasi sahaja

Atur Cara Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah

MASA	AKTIVITI
8.00 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
8.30 pagi	Ucapan Aluan Pengerusi Majlis
8.35 pagi	Persembahan Nasyid
8.45 pagi	Bicara Agar Dirimu Semulia Khadijah Oleh: Ustazah Asma' Harun Selebriti Dakwah
MAJLIS PERASMIAN HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2019	
10.00 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat Disambut dengan Selawat Burdah
10.30 pagi	Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
10.40 pagi	Bacaan Ayat-ayat Suci al-Quran Oleh : YBhg. Puan Che Rohani Mohd Fathil Naib Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali ke 62 bagi tahun 1440H/2019
10.50 pagi	Ucapan Aluan Oleh: YB Hajah Mumtaz Md Nawi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
11.00 pagi	Ucapan Perasmian HSK 2019 Oleh: YAB Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob (Dato' Bentara Kanan) Menteri Besar Kelantan
11.35 pagi	Gimik Perasmian Hari Sayyidatina Khadijah 2019 dan Pelancaran Gagasan Wanita Kelantan
11.50 pagi	Persembahan Nasyid : Semulia Khadijah
12.00 t/ hari	Penyampaian Anugerah Khas Sayyidatina Khadijah 2019 Ikon Wanita Kelantan 2019 Ikon Usahawan Ikon Pendidikan Ikon Orang Kurang Upaya (OKU) Ikon Kemasyarakatan Ikon Kesenian Ikon Sukan Tokoh Wanita Kelantan 2019 Anugerah Siti Khadijah Khuwailid (Keusahawanan) Anugerah Siti Aisyah Abu Bakar (Pendidikan) Anugerah Siti Aminah Abd Wahab (Armalah/ Ibu Tunggal) Anugerah Zinnirah Al-Rumiyah (Orang Kurang Upaya) Anugerah Zainab Khuzaimah (Kemasyarakatan) Anugerah Al-Khansa' Amru (Kesenian) Tokoh Wanita Antarabangsa 2019 Anugerah Khas Wanita Cakna Kebajikan
1.00 t/hari	Bersurai dan Makan Tengah Hari

Atur Cara *Niswah Sharing Session*

MASA	AKTIVITI
3.00 petang:	Pendaftaran dan Ketibaan Dif - dif Jemputan
3.15 petang:	Ketibaan Dif – dif Kehormat
3.30 petang:	Ucapan Aluan Pengerusi Majlis
3.45 petang:	Niswah Sharing Session Moderator : Dr Nurhafilah Musa
	Panel 1 : YB Zailah Mohd Yusof (Malaysia) Ahli Parlimen Rantau Panjang
	Panel 2 :Dr Samia Raheel Qazi (Pakistan) Pengerusi IMWU
	Panel 3 : Dr. Afaf Ahmed Mohamed Ahmed Hissain (Sudan) Setiausaha IMWU
	Panel 4 : Nattya Konthothong (Thailand) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 5 : Dr. Rabiye Yilmaz (Turki) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 6 : Dr Sahar Mawlood Jaber (Iraq) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 7 : Fatima Abubakar Ahmed (Somalia) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 8 : Mbala Atangana Epse Baba Hamadou (Cameroon) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 9 : Dr. Halima Wakabi Akbar (Uganda) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
	Panel 10 : Darou Aliya (Togo) Ahli Majlis Pemegang Amanah IMWU
4.45 petang:	Sesi Soal Jawab
5.00 petang:	Sidang Pleno YB Rohani Ibrahim Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
5.30 petang:	Bersurai & Minum Petang

Kunjung Hormat YAB Menteri Besar Negeri Kelantan
(Yang Amat Berhormat Dato` Bentara Kanan Ustaz Haji
Ahmad Bin Yakob)

MASA	AKTIVITI
9.00 malam:	Kata Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
9.10 malam:	Ucapan Aluan Oleh : YB Hjh Mumtaz Md Nawi
9.20 malam:	Ucapan Wakil Delegasi
9.30 malam:	Ucapan Dato' Menteri Besar
9.50 malam:	Sesi Dialog Bersama Delegasi
10.00 malam:	Jamuan
10.30 malam:	Bersurai



Atur Cara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2019

Hari Kelima –*Kelantan Islamic Tour*
23 Syawal 1440H / 27 Jun 2019 (Khamis)

Masa	Aktiviti
8.30 Pagi – 5.00 Petang	<i>Kelantan Islamic Tour</i> <ul style="list-style-type: none">• Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu• Industri Desa Di Kampung Laut• Lawatan Ke Makam Dan Suluk Tok Selehor• Lawatan ke Galeri Wayang Kulit Pak Daim• PPWK Bunut Payong, Kota Bharu• Canting Batik Di Nordin Batik * Delegasi sahaja



Atur Cara *Kelantan Islamic Tour*

MASA	Aktiviti
8.15 pagi :	Berkumpul di lobi hotel untuk naik bas (2 buah bas)
8.30 pagi :	Bertolak ke Pasar Siti Khadijah Turun di Pintu A (beras)
8.35 pagi :	<i>"Guided Tour"</i> ke : Gerai kuih muih Ruang tengah pasar, Tingkat 1 Tingkat 2 (makanan kering, batik) Gerai buah/ Kedai emas di tingkat bawah
9.15 pagi :	Bertolak ke Jeti Sungai Kelantan (Jeti Menara Tambatan DiRaja)
9.25 pagi :	Menaiki bot ke Jeti Kg Laut (4 buah bot <i>chartered</i>)
9.45 pagi :	Tiba di Jeti Kg Laut Lawatan ke industri kampung pembuatan serunding dan dodol
10.15 pagi:	Menaiki bas ke Suluk Tok Selehor
10.30 pagi:	Lawatan ke Suluk Tok Selehor, Kg. Kok Pasir
11.00 pagi:	Singgah di pembuatan Akok Tradisional Kak Nab
11.15 pagi:	Lawatan ke Galeri Wayang Kulit Pak Daim
12.00 tgh :	Melawat Pusat PPWK Bunut Payong - Demonstrasi masakan, makan tengahari/solat
2.15 petang:	Lawatan ke Nordin Batik, Pintu Geng - Canting batik dan <i>shopping</i>
3.00 petang	: Lawatan ke KB Permai Silvercraft (Pusat pertukangan perak dan jualan)
3.45 petang	: Balik ke Hotel Grand Riverview

Atur Cara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2019

Hari Keenam – *Putrajaya Tour*

24 Syawal 1440H / 28 Julai 2019 (Jumaat)

Masa	Aktiviti
6.40 Pagi – 7.45 Pagi	Bertolak Ke Kuala Lumpur (Peserta Persidangan IMWU)
10.00 Pagi – 5.00 Petang	<i>Putrajaya Tour</i> <ul style="list-style-type: none">• Masjid Putra• Taman Botani• Ramah Mesra Bersama Ahli IMWU Malaysia Dan Persatuan Ulama` Malaysia (PUM)• Menaiki Cruise Di Putrajaya• Santai / Beli belah *Delegasi sahaja



Atur Cara *Putrajaya Tour*

MASA	AKTIVITI
7.00 Pagi:	Ketibaan Delegasi Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
9.00 Pagi:	<i>Putrajaya Tour</i> Masjid Putra Di Presint 2 Taman Botani Di Presint 1
11.00 Pagi:	Sesi Ramah Mesra Bersama International Muslimah Women Union Dan Persatuan Ulama' Malaysia Di Lake Club Putrajaya, Presint 8 Makan Tengah Hari
1.15 Tengah Hari:	Solat Zohor
2.15 Petang:	Menaiki Cruise Di Putrajaya
3.30 Petang:	Membeli Belah Di Mitsui Outlet KLIA Sepang
5.30 Petang:	Bertolak Ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

فَلَا تَخْضَعَنَّ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا
مَّعْرُوفًا

"Janganlah perempuan-perempuan itu terlalu lunak dalam berbicara sehingga berkeinginan (menghairahkan) orang yang ada perasaan dalam hatinya, tetapi ucapkanlah perkataan-perkataan yang baik"
(Surah Al Ahzab : 32)

Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah



Pendahuluan

Logo Hari Sayyidatina Khadijah telah dicipta sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016 anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK) yang kini dikenali sebagai Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa).



Logo HSK



Bentuk 'Bunga Cempaka'

- Bentuk 'bunga' melambangkan wanita dan sifat kewanitaan.
- Bunga Cempaka dalam konteks budaya muslimah Kelantan, bunga ini sentiasa diletakkan bersama telekung solat di dalam sejadah atau dipakai bersama sanggul di rambut bertujuan mendapatkan harumannya. Ia melambangkan kasih sayang dan kesucian.
- Bunga Cempaka berasal dari negara-negara tropika namun sudah diangkat menjadi bunga antarabangsa disebabkan kelebihan harumannya. Keadaan ini bersignifikan dengan hasrat U-KeKWa mengangkat imej lebih ramai wanita Kelantan ke peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang sudah digubal dan program-program yang telah dilaksanakan.

Tujuh kelopak bunga :

Melambangkan kepelbagaian, kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Wanita Kelantan merangkumi 7 bidang utama iaitu; Pengurusan & pentadbiran.

- i. Pendidikan dan dakwah (Termasuk dalam kategori ini ialah para ibu yang memberi pendidikan informal di rumah, para pendidik di sekolah dan universiti, menjadi pakar akademik dalam pelbagai bidang. Contoh: Agama, sains, kesusasteraan, undang-undang sivil dan syariah, ekonomi dan lain-lain).
- ii. Keusahawanan (menjana ekonomi keluarga dan negara).
- iii. Pertanian dan Penternakan.
- iv. Politik (Termaktub dalam sejarah, wanita Kelantan terlibat dengan politik sejak berabad lamanya. Antara nama yang masyhur ialah Raja Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong).
- v. Penulisan (dalam pelbagai genre).
- vi. Kesenian dan kebudayaan (termasuk di dalamnya berqasidah, tilawah bertarannum, kraftangan dan lain-lain).

7 Kelopak juga merupakan simbol kepada:

- i. 7 hari seminggu: Wanita Kelantan sangat menghargai hari-hari kurniaan Allah swt, lalu diterjemahkan dengan sifat memanfaatkannya dengan pengisian dan jadual yang seimbang antara diri, keluarga dan masyarakat.
- ii. 7 petala langit dan 7 lapisan bumi: Sifat muslimah Kelantan yang banyak mengingati dan tafakkur pada kebesaran Allah SWT
- iii. 8 syurga dan 7 neraka: Sifat banyak mengingati akhirat dan berwawasan akhirat. 'Ingat akhirat' mampu menjadi pemangkin seseorang berusaha yang terbaik untuk dunia dan akhiratnya.

Tulisan Jawi “Khadijah” berwarna Merah:

Melambangkan cinta wanita Kelantan dalam mendaulatkan Islam sebagai cara hidup kerana tulisan Jawi sangat akrab dengan khat al-Quran itu sendiri yang menjadi rujukan atau manual hidup utama umat Islam.

Warna merah yang melatari tulisan Jawi melambangkan keberanian wanita Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam yang sudah diterokai lebih 25 tahun.

Warna Putih yang melatari keseluruhan logo:

Gabungan warna-warni pada 7 kelopak akhirnya menjadi putih seperti mana warna asal Bunga Cempaka

Putih melambangkan kekuatan spiritual. Sifat suci hati yakni ikhlas menjadi asas kepada semua perilaku positif. Juga melambangkan sifat rendah diri, anggun, berakhlak mulia dan sentiasa berusaha ke arah kesempurnaan diri yang menjadi objektif pihak penganjur dalam mendidik para wanita secara amnya merangkumi semua bangsa, bahasa dan agama rakyatnya.

Tulisan Rumi “Khadijah” berwarna Hitam:

Menjelaskan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah yang mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan negara.

HSK diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita dengan mengangkat tema sempena nama **Khadijah binti Khuwailid**, isteri pertama Rasulullah S.A.W yang menjadi insan dan wanita pertama beriman dengan Nabi Muhammad S.A.W.

Sambutan ini selari dengan Sambutan Hari Wanita sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa bagi meraikan

sumbangan dan pengorbanan wanita kepada agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Warna **Hitam** yang melatari tulisan Rumi melambangkan kekuatan selari dengan sifat Hitam yang mengumpul semua kekuatan aura warna-warna lain. Kekuatan ini turut mewakili sifat yakin dan teguh muslimah Kelantan pada dasar dan prinsip Islam sebagaimana teguhnya iman Khadijah r.a di awal sinar Islam menerobos kegelapan jahiliyah kaumnya.

Kelopak-kelopak bunga pelbagai warna:

Melambangkan wanita Kelantan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disebabkan ada faktor-faktor pendorong hasil sikap positif yang didefinisikan oleh 7 warna berikut;

Hijau	Alam semulajadi, kedamaian dan berilmu pengetahuan
Kuning	Aura energetik, bersemangat tinggi, optimis dan kreatif.
Merah	Berwibawa, berani, gigih dan tabah.
Merah jambu	Bersifat penyayang dan memahami.
Ungu	Bijak, berinisiatif dan berdikari.
Biru	Cinta kedamaian, tenang dan jujur.
Hitam	Elegan, menarik dan rapi.

Penafian:

Logo dan warna logo merupakan rekaan dan pilihan pihak penganjur iaitu Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran ciri dan wanita Kelantan sedia ada (Sebahagiannya sudah dibuktikan oleh tokoh-tokoh muslimah Kelantan dalam pelbagai bidang sejak generasi terdahulu hingga sekarang). Juga sebagai gagasan jauh ke hadapan untuk dipenuhi aspirasi positif tersebut oleh generasi ummah yang lebih baik di masa-masa akan datang, dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud memberi gambaran yang tidak realistik tentang wanita Kelantan secara umum kerana pihak U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk membangunkan wanita Kelantan ke arah yang diredai Allah swt.



Definisi Reka Bentuk Logo AL-YOUM

- Bagi simbol ini, kami menerapkan elemen flora - satu elemen yang mempunyai akar umbi dalam tradisi seni hiasan dan binaan Islam, terutamanya di Malaysia.
- Bunga Dahlia merupakan simbol bagi keanggunan, eksklusiviti, maruah diri dan pandangan jauh.
- Bentuk yang digunakan merupakan bentuk-bentuk yang melengkung dengan bucu tajam, bagi menunjukkan ketegasan dan kelembutan pada masa yang sama.



- Logo ini menggabungkan tulisan jawi dan rumi bagi memudahkan khalayak mengenal pasti sifat entiti ini walaupun dengan sekilas pandang sahaja.
- Kedua-dua tulisan jawi dan rumi ini menggunakan font *San-Serif* bagi menyetengahkan konsep moden and minimalis.
- Bentuk melengkung pada huruf "A" diterapkan dengan bentuk bulan sabit bagi menguatkan motif Islamik.



Justifikasi Logo

- Logo ini menggabungkan elemen-elemen tradisional dalam seni bina Islam serta seni kontemporari - hasilnya, logo yang mengikuti perkembangan masa moden terkini, tanpa melupakan asal usul budaya dan tradisinya.
- Menggunakan warna-warna yang sejuk (*cool colours*) sebagai warna utama (*primary colour*), digandingkan dengan warna-warna hangat (*warm colours*) sebagai warna *complementary*, logo ini menimbulkan emosi tenang dan bertenaga pada waktu yang sama.
- Dengan menggunakan warna hijau sebagai warna utama, elemen Islamik dapat dikukuhkan lagi, manakala elemen flora menyetengahkan elemen kelembutan serta kewanitaan entiti ini.

Warna



Ungu (*Moderate Purple*)
Imaginasi, kreativiti



Merah (*Brilliant Scarlet*)
Tenaga, aspirasi



Hijau Gelap (*Dark Sea Green*)
Keseimbangan, keharmonian



Kelabu Gelap (*Dark violetish gray*)
Kestabilan, elegan



Hijau Limau (*Moderate Lime Green*)
Beliawanis, positifiti



Kelabu Cerah (*Light gray*)
Ketenangan, kebijaksanaan



Kuning (*Light Brilliant Amber*)
Minda, intelek, keriangian



Lagu Tema

Hari Sayyidatina Khadijah

SEMULIA KHADIJAH

Menyingkap kembali sirah risalah

Mewangi semangat srikandi

Ummah

Mu'minah pertama Saiyyidatina

Khadijah

Qudwah keteguhan wanita

solehah

Dia At Tahirah hadiah Allah

Dari rahimnya zuriat mulia

Hidupnya disanjung perginya

dikenang

Wanita terbaik Sayyidatina

Khadijah

Harta jiwa raga bukti

kesungguhan

Tak luntur semangat demi

kebenaran

Sebagai isteri peneguh suami

Sebagai ibu pendidik generasi

Hartawan dermawan

Srikandi terbilang

Sayyidatina Khadijah, *mother of
believers*

*Teacher of loyalty, a symbol of
honesty,*

Khadijah At-Tahirah, *the first of
believers,*

*Her noble sacrifice, has marked
the history*

خديجة الطاهرة همتهما عالية

أميرة الجنة سيرتها غالية

سيدة النساء معلمة الوفاء

فلنستمر فلتحيا قصتها المعطرة

Semangat Khadijah terus membara
Semangat Khadijah membakar jiwa
Fitrah kelembutan bukan kelemahan

Kesantunan budi itu kecantikan

Ayuhlah muslimah,

Teladani Khadijah,

Agar dirimu semulia Khadijah

Kemuliaan Khadijah Mari kita
suburkan!

Kecekanan Khadijah ayuh

semarakkan!

Tiada noktah dalam perjuangan
Tiada sempadan mulia pengorbanan

Lirik & lagu: Mohd Firdaus Sahiddin

Susunan Muzik: Alfa Booty Kesuma

Studio: Rumie Music Lab

Susunan Vocal: Bard Muffins

Jururakam: Ratno Junaidi

Vokal: Kumpulan Soutul Amal





Justifikasi Tokoh / Ikon Wanita 2019

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan memberikan anugerah kepada enam (6) kategori Anugerah Tokoh Wanita Kelantan mewakili enam (6) orang wanita yang terpilih dari seluruh pelosok negeri mengikut kategori masing-masing.

Setiap kategori disandarkan kepada tokoh-tokoh wanita dan serikandi Islam yang masyhur dengan sumbangan masing-masing sebagaimana yang termaktub dalam lipatan sejarah silam. Kategori yang dimaksudkan itu adalah:

1. Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid (Usahawan)
2. Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah (Kemasyarakatan)
3. Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar (Pendidikan)
4. Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab (Armalah)
5. Tokoh Al-Khansa Amru (Kesenian)
6. Tokoh Zinnirah Ar-Rumiyah (Orang Kelainan Upaya)

Selain itu, sebanyak enam (6) kategori Anugerah Ikon Wanita Kelantan 2019 juga akan dianugerahkan kepada enam (6) orang wanita muda yang terpilih. Kategori yang dimaksudkan adalah:

1. Ikon Usahawan
2. Ikon Pendidikan
3. Ikon Orang Kelainan Upaya
4. Ikon Kemasyarakatan
5. Ikon Kesenian
6. Ikon Sukan

Pencalonan perlulah mematuhi dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia sebelum mencalonkan atau menghantar pencalonan. Berikut merupakan kriteria- kriteria yang telah ditetapkan:

Syarat-syarat Umum Penyertaan:

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang bermastautin di Kelantan kecuali kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.
2. Setiap penyertaan hendaklah melalui borang penyertaan yang dikeluarkan oleh pihak urusetia dan boleh dicetak semula oleh calon.
3. Setiap calon hanya layak untuk pencalonan bagi satu kategori sahaja.
4. Setiap pencalonan hendaklah diserahkan bersama borang penyertaan dan sekeping gambar berukuran passport dan 3R.

Syarat UMUM bagi Pencalonan Tokoh:

1. Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
2. Wanita SAHAJA;
3. Berumur 40 tahun dan ke atas;

Syarat UMUM Bagi Pencalonan Ikon:

1. Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan.
2. Wanita SAHAJA
3. Berumur 39 tahun dan ke bawah

A. KATEGORI TOKOH SITI KHADIJAH KHUWAILID (KEUSAHAWANAN)

1. Terlibat dalam bidang keusahawanan secara aktif lebih 10 tahun.
2. Terlibat dalam jenis perniagaan yang sah dan halal.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan keusahawanan terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang keusahawanan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme keusahawanan.

B. KATEGORI TOKOH ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

1. Masih bekerja atau telah bersara dan penting dalam bidang berkaitan kemasyarakatan di pelbagai tahap.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi.
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan.
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

C. KATEGORI TOKOH SITI AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

1. Berkhidmat dalam bidang pendidikan sekurang-sekurangnya 15 tahun dan ke atas (formal/ tidak formal).
2. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan pendidikan di pelbagai tahap (tadika/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ pondok/ IPTA/ IPTS)
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan.
4. Calon yang masih berkhidmat dalam bidang pendidikan atau telah bersara
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme pendidikan.

D. KATEGORI TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH / IBU TUNGGAL)

1. Masih bekerja atau telah bersara.
2. Mampu mendidik anak-anak sehingga berjaya ke menara gading dan soleh/solehah.
3. Menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi dalam membantu masyarakat kearah pembangunan diri yang lebih baik.
4. Terlibat secara aktif dalam program-program kemasyarakatan dan program-program berkaitan amalah.

E. KATEGORI TOKOH AL-KHANSA' AMRU (KESENIAN)

1. Terlibat dalam bidang kesenian secara aktif lebih 10 tahun.
2. Terlibat dalam bidang kesenian yang patuh syariah.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan kesenian terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang kesenian.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesenian.

F. KATEGORI TOKOH ZINNIRAH AL RUMIYAH (ORANG KELAINAN UPAYA)

1. Masih bekerja atau telah bersara.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi.
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan.
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan orang kurang upaya.

A. KATEGORI IKON USAHAWAN

1. Terlibat dalam bidang keusahawanan secara aktif.
2. Terlibat dalam jenis perniagaan yang sah dan halal.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan keusahawanan terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang keusahawanan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme keusahawanan.

B. KATEGORI IKON PENDIDIKAN

1. Berkhidmat dalam bidang pendidikan sekurang-sekurangnya 5 tahun dan ke atas (formal/ tidak formal)
2. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan pendidikan di pelbagai tahap (tadika/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ pondok/ IPTA/ IPTS)
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan.
4. Calon yang masih berkhidmat dalam bidang pendidikan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme pendidikan.

C. KATEGORI IKON OKU (ORANG KELAINAN UPAYA)

1. Masih bekerja atau telah bersara;
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan;
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan orang kurang upaya.

D. KATEGORI IKON KEMASYARAKATAN

1. Masih bekerja atau telah bersara dan berperanan penting dalam bidang berkaitan kemasyarakatan di pelbagai tahap;
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan;
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

E. KATEGORI IKON KESENIAN

1. Terlibat dalam bidang kesenian secara aktif;
2. Terlibat dalam bidang kesenian yang patuh syariah;
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan kesenian terhadap masyarakat umum;
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang kesenian;
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesenian.

F. KATEGORI IKON SUKAN

1. Terlibat dalam bidang sukan secara aktif;
2. Terlibat dalam bidang sukan yang patuh syariah;
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan sukan terhadap masyarakat umum;
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang sukan;
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesukanan.

Tokoh Pertama: Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid

تَوَكُّلًا بِسَيِّدَتِنَا خَدِجَةَ بِنْتُ خُوَيْلِدٍ (أَوْ سَهَّاءَ ابْنِ)

TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (USAHAWAN)

Sayyidatina Khadijah R.A adalah puteri Khuwailid bin As'ad bin Abdul Uzza bin Qusai bin Kilab al-Qurasyiyah al-Asadiyah. Beliau merupakan seorang isteri, sahabat, dan kekasih yang penyayang kepada baginda Rasulullah S.A.W. Namun, di sebalik sifat tersebut, beliau merupakan seorang ahli perniagaan wanita yang amat dikenali sekitar tahun 585 Masihi mewarisi perniagaan peninggalan bapa dan suaminya.

Dalam situasi masyarakat Arab pada zaman itu yang memandang rendah terhadap kemampuan kaum hawa, Sayyidatina Khadijah R.A telah dapat berdiri seiring dengan mereka. Kehebatannya dalam bidang perniagaan merupakan sesuatu yang amat mengagumkan pada ketika itu. Sayyidatina Khadijah R.A menggunakan lima strategi perniagaan:

1. Menggunakan konsep *"empowerment"*
2. Memanfaatkan konsep mudharabah
3. Kesenambungan perniagaan dan rancangan pewarisan
4. Dapat menjangka masalah dalam perniagaan
5. Kecekapan menguruskan masalah agensi

PERTAMA: Sayyidatina Khadijah R.A telah menggunakan konsep *'empowerment'* dalam perniagaannya. Konsep ini amat bertentangan dengan konsep berniaga secara kuku besi atau autokrasi. Ini kerana, beliau membenarkan para pekerjanya untuk berfikir, bertindak dan mengambil keputusan dengan bebas. Dengan sikap sedemikian, ia memberikan satu sumbangan yang positif dalam pengukuhan dan kemantapan sesebuah organisasi untuk berkembang.

Dalam konteks perniagaan, Sayyidatina Khadijah R.A telah memberikan kuasa sehingga ke tahap yang tertentu kepada para pekerja dan "mudarib-nya" iaitu (rakan kongsi yang mempunyai kepakaran dalam

pengurusan) untuk menjalankan bisnesnya. Ini terbukti, apabila rombongan pekerja dan mudarib-nya berniaga, tanpa beliau turut menyertai mereka.

KEDUA: Konsep **mudharabah** ini adalah sangat bermanfaat kepada ekonomi sesebuah negara kerana ia menggalakkan sifat keusahawanan, mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi, dan menambahkan peluang pekerjaan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Dalam konsep mudharabah, perniagaan dikendalikan oleh mudarib dan para pekerja yang diberi kuasa untuk melanjutkan "*empowerment*". Namun begitu, pemantauan yang berterusan tetap perlu dijalankan. Bagi Rasulullah S.A.W, selain mendapat faedah kewangan, baginda turut mendapat faedah di atas kontrak mudharabah dari segi strategi dan operasi perniagaan yang dijalankan oleh Sayyidatina Khadijah R.A.

KETIGA: Intipati kejayaan Sayyidatina Khadijah R.A seterusnya adalah kesinambungan perniagaan dan rancangan pewarisan atau "*succession planning*".

Ia memberikan peranan penting dalam meneruskan perniagaan. "*Succession planning*" adalah satu proses dalam mempersiapkan orang lain sebagai pengganti kepada individu tertentu untuk sesebuah institusi. Institusi yang dimaksudkan disini adalah perniagaan Sayyidatina Khadijah R.A. Gangguan terhadap perniagaan selepas bersara atau meninggal dunia dapat dicegah sekiranya, '*succession planning*' dijalankan. Jodoh Sayyidatina Khadijah R.A dengan Rasulullah S.A.W sangat sepadan kerana sifat keusahawanan dan amanah baginda yang mulia menjadikan Nabi Muhammad S.A.W sebagai tonggak yang akan menggantikannya dalam urusan perniagaan kelak.

Jika kita menganalisis perniagaan Sayyidatina Khadijah R.A dapat dilihat secara jelas bahawa ia berada difasa perluasan. Sebelum perniagaannya memasuki fasa kemerosotan, beliau telah berikhtiar dan memanfaatkan pelapis dan penerus yang sesuai dan berkelayakan bagi



memastikan jangka hayat perniagaannya panjang

KEEMPAT: Intipati kejayaan yang seterusnya adalah beliau dapat menjangka segala permasalahan dalam perniagaan. Antara masalah yang dapat dijangka oleh Sayyidatina Khadijah R.A adalah:

1. Saiz pasaran tempatan yang kecil.
2. Kurangnya perbezaan sehingga menyebabkan perniagaan lambat berkembang atau gagal.
3. Strategi perniagaan yang lemah hingga menyebabkan perniagaan tidak produktif.
4. Tiada pasukan pengurusan yang efektif.
5. Pelan perniagaan yang tidak berkesan.
6. Matlamat perniagaan yang kabur atau tidak jelas.

Bagaimana Sayyidatina Khadijah R.A menyelesaikan masalah itu?. Bagi masalah yang pertama, beliau telah meneroka pasaran luar seperti Syria dan Yaman dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada perniagaan di Mekah sahaja.

Seterusnya, Sayyidatina Khadijah R.A telah memilih Nabi Muhammad S.A.W sebagai rakan kongsi kerana beliau dapat melihat kebijaksanaan baginda dalam menguruskan perniagaan.

Bagi masalah ketiga, beliau telah menyelesaikannya dengan menawarkan keuntungan yang tinggi kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pelaburan yang akan mendatangkan keuntungan berlipat ganda. Ini menunjukkan kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah R.A dalam pengurusan kewangannya.

Bagi masalah yang keempat pula, Sayyidatina Khadijah R.A mengurangkan risiko ini dengan menghantar pembantunya, Maisarah bagi membantu Nabi Muhammad S.A.W sekaligus membantu memantau perniagaannya. Bagi mengatasi masalah serta pelan perniagaan yang tidak berkesan, beliau telah berjaya mengurangkan masalah agensi secara langsung dan tidak langsung. Bagi penyelesaian

kepada masalah yang terakhir, Sayyidatina Khadijah R.A menggunakan konsep mudharabah yang memadankan insentif dan matlamat perniagaan.

KELIMA: Seterusnya, intipati yang terakhir adalah, kecekapan Sayyidatina Khadijah R.A dalam menguruskan masalah agensi.

Dalam perniagaan yang melibatkan pemodal dan pengurus perniagaan, wujud potensi untuk terbitnya masalah agensi. Bagi kontrak mudharabah, masalah akan timbul apabila usahawan tidak menjalankan tugasnya dengan baik mengikut cara yang melindungi hak-hak pihak yang terlibat.

Situasi yang dapat menggabungkan cara Sayyidatina Khadijah R.A dalam mengurangkan masalah agensi adalah dari segi insentif. Dengan adanya kontrak mudharabah, Rasulullah S.A.W. mempunyai insentif untuk menjana keuntungan sebanyak mungkin. Ini kerana, semakin banyak keuntungan, maka semakin banyak pendapatan yang diperoleh.

Seterusnya, mekanisme pembahagian keuntungan. Mekanisme ini wujud melalui konsep kontrak mudharabah. Seterusnya, pemantauan dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah R.A secara berterusan dengan bantuan pembantunya, Maisarah. Maisarah juga turut membantu memberikan maklumat yang sahih kepada Sayyidatina Khadijah R.A.

Sebagai kesimpulan, Sayyidatina Khadijah R.A bukan sahaja seorang wanita yang mempunyai perilaku yang baik, malah beliau juga merupakan tokoh usahawan yang disegani kerana bijak menguruskan perniagaannya di tengah-tengah masyarakat Arab yang kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki.

Tokoh Kedua: Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah

تَوَكُّلًا سَيِّدَاتِنَا زَيْنَبُ خُوَزَيْمَةَ (كَشَاءُ رَكْتَنَ)

TOKOH SAYYIDATINA ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

Sebelum memeluk Islam, Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah sudah terkenal dengan sifat penyayang, pemurah dan budiman terhadap masyarakat sekeliling terutama kepada orang-orang miskin. Disebabkan sikap beliau inilah, beliau telah mendapat gelaran **Ummul Masakin** (ibu orang-orang miskin).

Ini telah dijelaskan dalam kitab *Thobaqat Ibnu Saad* bahawa Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah bin Haris bin Abdillah bin Amru bin Abdi Manaf bin Hilal bin Amir bin Shashaah al-Hilaliyah adalah Ummul Masakin. Gelaran tersebut disandang sejak zaman jahiliah lagi, walaupun pada waktu itu beliau belum mengetahui bahawa orang-orang yang baik, penyantun dan penderma akan memperoleh pahala di sisi Allah.

Berdasarkan asal-usul keturunannya, beliau termasuk keluarga yang dihormati dan disegani. Tarikh lahir beliau tidak diketahui dengan pasti, namun ada riwayat yang menyebutkan bahawa beliau lahir sebelum tahun ketiga belas kenabian. Beliau termasuk antara kelompok orang yang pertama memeluk agama Islam dari kalangan wanita.

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa beliau menikahi Tufail bin Harits, tetapi jodoh beliau tidak panjang dan kemudiannya menikah untuk kali kedua dengan Ubaidah bin Harith. Jodohnya juga tidak lama apabila suaminya syahid semasa perang Badar.

Ketika suami beliau gugur sebagai seorang syahid, Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A sedang menjalankan tugasnya merawat tentera-tentera Islam yang tercedera dan terluka. Kematian suami beliau tidak menghalang beliau untuk terus berkhidmat dan melaksanakan tugas yang dipikul sehingga akhirnya Allah mentakdirkan kemenangan buat

kaum Mukmin dalam pertempuran pertama melawan kaum Musyrikin. Walaupun berasa sangat sedih dengan kesyahidan suaminya, namun ianya segera terubat kerana dirawat oleh kemanisan iman, tawakkal dan keyakinan kepada Allah SWT. Jiwanya kuat dan hatinya teguh. Semangatnya tidak pudar.

Setelah habis iddah, Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A tidak sesekali menyangka akan dipinang oleh lelaki terbaik sepanjang zaman, Nabi Muhammad S.A.W. Rasulullah menikahi Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A kerana beliau ingin melindungi dan meringankan beban kehidupan yang dialaminya, di samping kerana kesabaran dan ketetapan hati serta kegigihan perjuangan beliau. Baginda membangunkan sebuah rumah kecil berhampiran rumah Sayyidatina Aisyah R.A dan Sayyidatina Hafsa R.A.

Terdapat perbezaan pendapat tentang tempoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A memasuki rumah tangga Rasulullah, salah satu pendapat mengatakan tiga bulan dan pendapat yang kedua menyatakan lapan bulan. Beliau meninggal ketika Rasulullah masih hidup dan jasadnya di makamkan di perkuburan Baqi'.

Tokoh Ketiga: Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar

تَوَكُّلًا سَيِّدَتِنَا عَائِشَةَ ابْنِ بَكْرٍ (قَيْدٌ يَدِينُ)

TOKOH SAYYIDATINA AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

Kisah hidup Sayyidatina Aisyah R.A telah membuktikan bahawa wanita mampu menguasai bidang keilmuan mengatasi kaum lelaki serta mampu menjadi pendidik kepada para ilmuwan dan pakar-pakar pelbagai bidang.

Kehidupan beliau juga menjadi bukti kemampuan wanita dalam mempengaruhi pandangan masyarakat, baik lelaki mahupun wanita, serta membekalkan sumber inspirasi dan kepimpinan yang mantap.

Wanita yang kaya dengan pekerti tinggi, lemah lembut serta sopan santun ini juga, telah membawa kebahagiaan dan ketenangan hati yang tidak putus kepada suami beliau.

Lafaz ucapan beliau menjadi kajian dalam bidang sastera. Fatwa-fatwa syariah yang dikeluarkan oleh beliau telah dikaji di institusi perundangan. Khazanah pengetahuan yang dimiliki Sayyidatina Aisyah R.A diperoleh sejak beliau masih seorang kanak-kanak lagi. Pada usia mudanya, Sayyidatina Aisyah R.A dibesarkan oleh bapanya, seorang Muslim yang dihormati dan disegani ramai.

Sayyidatina Aisyah R.A terkenal dengan paras rupanya yang menawan serta daya ingatan yang kuat. Beliau diletakkan di bawah jagaan Rasulullah S.A.W sendiri sejak beliau masih muda lagi sebagai seorang isteri serta pendamping baginda Rasulullah S.A.W.

Sayyidatina Aisyah R.A berpeluang menimba ilmu pengetahuan dari baginda sehingga ke tahap yang tidak mungkin ditandingi oleh wanita-wanita lain.

Sayyidatina Aisyah R.A hidup selama hampir 50 tahun setelah kewafatan Rasulullah S.A.W. iaitu sepuluh tahun hidup sebagai isteri Rasulullah S.A.W. Sebahagian besar waktu itu diluangkan dengan mempelajari dua sumber ilmu yang penting iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.

Di antara tiga orang daripada isteri-isteri Rasulullah S.A.W yang menghafaz al-Quran, salah seorang daripadanya ialah Sayyidatina Aisyah R.A (disamping Ummu Salamah dan Hafsa). Sebagaimana Hafsa, Sayyidatina Aisyah R.A juga mempunyai salinan al-Quran yang ditulis setelah kewafatan Rasulullah S.A.W.

Sayyidatina Aisyah R.A juga merupakan salah seorang daripada empat orang sahabat (termasuk Abu Hurairah, Abdullah Ibnu Umar dan Anas Ibnu Malik) yang meriwayatkan lebih dua ribu hadith. Kebanyakan hadith-hadith ini berkaitan dengan amalan peribadi Rasulullah S.A.W.

Antara aspek penting berkenaan hadith yang diriwayatkan, Sayyidatina Aisyah R.A ialah hadith-hadith tersebut disampaikan dalam bentuk tulisan oleh anak saudara beliau, Urwah Ibnu Az-Zubair yang merupakan salah seorang ulama terkenal di kalangan tabi'in Abu Musa Al-'Ashari pernah berkata: "Sekiranya kami di kalangan sahabat Rasulullah S.A.W menghadapi kemusykilan, maka akan kami bawa kepada Sayyidatina Aisyah R.A."

Urwah Ibnu Az-Zubair menegaskan bahawa Sayyidatina Aisyah R.A bukan sahaja arif dalam bidang fiqh, bahkan juga dalam bidang perubatan dan syair. Ramai di kalangan sahabat Rasulullah turut merujuk kepada beliau berkenaan masalah pewarisan harta yang memerlukan kemahiran tinggi dalam bidang matematik.

Para ulama menganggap Sayyidatina Aisyah R.A sebagai salah seorang ahli fuqaha Islam terawal di samping Umar Ibnu al-Khattab, Ali dan Abdullah Ibnu Abbas.

Rasulullah S.A.W pernah mengiktiraf tentang dalamnya pengetahuan Sayyidatina Aisyah R.A dalam Islam: "Pelajarilah sebahagian daripada agamamu dari al-Humaira." "Al-Humaira" atau 'si merah' adalah nama panggilan Rasulullah S.A.W kepada Sayyidatina Aisyah R.A.

Sayyidatina Aisyah R.A bukan sahaja memiliki ketinggian ilmu pengetahuan, bahkan turut memainkan peranan penting dalam proses pendidikan dan pembentukan masyarakat ketika itu. Sebagai seorang guru, beliau memiliki lisan yang jelas dan menarik hati serta kelancaran tutur kata beliau digambarkan dengan begitu tinggi oleh al-Ahnaf:

"Aku pernah mendengar ucapan dari Abu Bakar dan Umar, dari Uthman dan Ali serta para khulafa' hingga ke hari ini, tetapi belum pernah aku mendengar ucapan yang lebih indah dan lebih menarik hati dari mulut seorang pun melainkan Sayyidatina Aisyah R.A."

Manusia dari segenap pelusuk tanah Arab telah pergi menemui Sayyidatina Aisyah R.A untuk mempelajari ilmu yang dimilikinya.





Dikatakan lebih ramai bilangan wanita daripada lelaki yang datang untuk menimba ilmu daripada beliau. Di samping menjelaskan kemusykilan orang ramai, beliau turut mengambil anak-anak kecil, ada di kalangan mereka yatim piatu, untuk dibesarkan dan dilatih di bawah bimbingan beliau sendiri. Di samping itu juga terdapat saudara- saudara beliau yang mendapat bimbingan yang sama. Dengan demikian, rumah Sayyidatina Aisyah R.A dijadikan sekolah dan sebuah institusi pengajian.

Di antara pelajar wanita didikan Sayyidatina Aisyah R.A ialah Umrah binti Abdur Rahman. Umrah dianggap oleh para ulama' sebagai seorang perawi hadith yang thiqah (dipercayai) dan dikatakan bertindak sebagai setiausaha Sayyidatina Aisyah R.A dalam menerima dan menjawab surat-surat yang diterima beliau. Peranan Sayyidatina Aisyah R.A dalam menggerakkan proses pendidikan terutamanya bagi kaum wanita seharusnya dijadikan contoh ikutan.

Selepas Khadijah al-Kubra (yang hebat) dan Fatimah Az-Zahra (yang menawan), Aisyah as-Siddiqah (yang membenarkan) dianggap sebagai wanita terbaik dalam Islam. Dari keteguhan peribadinya, beliau menjadi seorang pakar dalam setiap bidang pengetahuan, dalam masyarakat, politik bahkan peperangan. Sayyidatina Aisyah R.A kembali kerahmatullah pada tahun ke 58 selepas Hijrah dan jasad beliau telah disemadikan di perkuburan Baqi' di kalangan para sahabat.

Sayyidatina Aisyah R.A kembali ke rahmatullah dalam bulan Ramadhan pada tahun kelima puluh lapan selepas Hijrah. Atas arahan beliau sendiri, jasadnya disemadikan di Jannat.



Tokoh Keempat: Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab

توكوة سیتی امینہ عبد الوہاب (ارملاہ)

TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH)

Bonda kepada Nabi Muhammad S.A.W yang diutus Allah sebagai rahmat seluruh alam. Cukuplah baginya kemuliaan dan kebanggaan yang tidak dapat dipertikai lagi. Allah Azza Wa Jalla telah memilih beliau sebagai ibu kepada seorang rasul yang mulia dan nabi yang terakhir. Seorang wanita berhati mulia, pemimpin para ibu. Seorang ibu yang telah dianugerahkan anak tunggal yang mulia pembawa risalah yang lurus dan kekal, rasul yang bijak, pembawa hidayah. Risalah yang dibawa putera tunggalnya sempurna, benar dan kekal sepanjang zaman. Ibu yang melahirkan Nabi Muhammad S.A.W, nabi junjungan kita bukan calang-calang orangnya.

Siti Aminah adalah wanita yang tabah mengharungi cabaran hidup biarpun kehilangan suami pada saat mengandung tiga bulan. Ketabahannya sebagai armalah yang muda belia, cantik rupawan, terpuji dan tetap setia tidak berkahwin lain demi membesarkan anak lelakinya selepas pemergian suaminya, Abdullah bin Abdul Motalib. Beliau cecal dan memiliki kekuatan jiwa yang hebat kerana mampu mengawal kesedihan emosi walaupun kehilangan orang tersayang.

Beliau begitu mementingkan kesejahteraan anaknya Muhammad S.A.W dengan memberikan yang terbaik buatnya. Sebagai ibu, Siti Aminah begitu mementingkan didikan kasih sayang sejak dalam kandungan demi memastikan anaknya memiliki sahsiah yang terpuji. Tanggal 12 Rabiulawal tahun gajah, bersamaan 20 April 571 Masihi, lahirlah Nabi Muhammad S.A.W dengan penuh rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Beliau terpaksa berpisah dengan buah hatinya sejak bayi lagi demi mendapat penyusuan yang berkhasiat, suasana asuhan, di samping kanak-kanak lelaki lain yang lasak serta pendidikan bahasa yang fasih di perkampungan Bani Saad.

Rasulullah S.A.W dikembalikan semula ke pangkuan Siti Aminah ketika umur baginda mencecah empat tahun. Meskipun yatim, baginda mendapat perhatian dan kasih sayang yang penuh dari bondanya yang penyayang.

Apabila Nabi Muhammad S.A.W berusia enam tahun, Siti Aminah membawa anaknya itu menziarahi keluarganya di Madinah dan pada masa yang sama peluang itu diambil bagi menziarahi makam suaminya. Beliau kemudiannya juga meninggal dunia tanpa sempat melihat anaknya membesar sepenuhnya. Benarlah ungkapan yang berbunyi kekuatan jiwa seorang anak lahir daripada kekuatan jiwa seorang ibu.

Tokoh Kelima: Tokoh Al Khansa Amru

تَوْكُوَةُ الْخَنْسَاءِ عَمْرُو (كَسِينِيَّة)

TOKOH AL-KHANSA AMRU (KESENIAN)

Tumadhar binti 'Amr bin Syuraid bin 'Ushayyah As-Sulamiyah atau yang dikenal dengan Al Khansa (dari bahasa Arab yang bererti 'kijang') adalah seorang sahabat wanita yang mulia dan sangat terkenal sebagai penyair. Syair-syairnya ditujukan kepada orang-orang tercinta yang telah tiada, terutama kepada kedua orang saudara lelakinya, yaitu Muawiyah dan Sakhr yang telah meninggal dunia. Selain itu ia dikenal sebagai ibu para syuhada karena telah berjaya mendidik keempat puteranya menjadi syuhada di medan Perang Qadisiyah.

Khansa berkahwin dengan Rawahah bin Abdul Azis As-Sulami. Dari perkahwinan itu beliau mendapat empat orang anak laki-laki: Yazid, Mu'awiyah, 'Amr, dan 'Amrah, semuanya memeluk Islam.

Al Khansa binti Umar bin Kharis bin Syarit masuk Islam sewaktu mendatangi Nabi Muhammad S.A.W bersama dengan Bani Syulaim.



Semua pakar keilmuan telah bersepakat bahawa tiada seorang wanita pun, baik sebelum Khansa' mahupun sesudahnya, yang dapat menandingi kehebatannya dalam bersyair. Beliau dinobatkan sebagai penyair paling mahir di Arab.

Setelah beliau masuk Islam, beliau pun berkata “Dulu aku menangis kehidupanku, namun sekarang, aku menangis karena takut akan siksa neraka.” Keempat-empat anaknya pernah diberi hadiah oleh Umar bin Khathab, masing-masing sebanyak 400 dirham. Keadaannya terus berubah setelah masuk Islam, ujian yang dialaminya menjadi kesabaran yang didasari iman dan dihiasi oleh takwa, hingga ia tidak lagi merasa sedih ketika kehilangan apa pun dari kenikmatan duniawi ini.

Ketika Mutsanna bin Haritsah asy-Syaibani berangkat ke Qadisiyah di masa Umar bin Khattab radhiyallahu'anhu, Al Khansa' turut berangkat bersama keempat puteranya untuk menyertai pasukan tersebut. Empat putera kandung Al-Khansa' bergabung dengan pasukan muslim yang ditugaskan menyerang Qadisiyah. Sehari sebelum perang, Al-Khansa' R.A menyampaikan beberapa wasiat kepada putera-puteranya,

“Hai Putra-putraku, kalian semua memeluk Islam dengan suka rela dan berhijrah dengan senang hati. Demi Allah yang tidak ada Tuhan selain Dia, sesungguhnya kalian adalah keturunan dari satu ayah dan satu ibu. Aku tidak pernah merendahkan kehormatan dan merubah garis keturunan kalian. Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan akhirat jauh lebih baik daripada kehidupan dunia yang fana.

Putra-putraku, sabarlah, tabahlah, bertahanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Semoga kalian menjadi orang-orang yang beruntung. Jika kalian melihat gendang perang telah ditabuh dan apinya telah berkobar, maka terjunlah ke medan laga dan serbulah pusat kekuatan musuh, pasti kalian akan meraih kemenangan dan kemuliaan, di dalam kehidupan abadi dan kekal selama-lamanya”.





Keesokan harinya, mereka terjun ke medan perang dengan gagah berani. Jika ada seorang di antara mereka yang semangatnya mulai surut, maka saudara-saudaranya langsung mengingatkannya dengan nasihat Ibunda mereka yang telah tua renta, dengan begitu semangatnya berkobar kembali dan menyerbu musuh seperti singa yang mengamuk. Serangan-serangannya seperti siap melumat musuh-musuh-Nya. Mereka tetap berjuang dengan penuh semangat, hingga satu persatu berguguran menjadi syuhada.

Ketika Al-Khansa' R.A mendengar berita kematian empat puteranya dalam hari yang sama, ia menerima berita duka itu dengan penuh keimanan dan kesabaran

“Alhamdulillah yang telah memberiku kemuliaan dengan kematian mereka. Aku berharap, Allah akan mengumpulkanku dengan mereka di tempat limpahan kasih sayang-Nya”, harap Al-Khansa.

Di masa jahiliyah, Al-Khansa' R.A memenuhi dunia dengan tangisan dan keluh kesah atas kematian saudara kandungannya, Shakhr. Setelah masuk Islam dengan luar biasa beliau sanggup merelakan empat putera kandungannya sendiri untuk meraih mati syahid dalam perang Qadisiyyah.

Al-Khansa' begitu tulus dan tabah dengan pengorbanan besarnya itu demi meraih anugerah menjadi penghuni syurga, kerana Rasulullah S.A.W pernah bersabda,

“Siapa yang merelakan tiga orang putra kandungnya (meninggal dunia), maka dia akan masuk syurga. Seorang wanita bertanya, bagaimana jika hanya dua putra?, Rasulullah S.A.W kemudian menjawab: “begitu juga dua putra”. (Diriwayatkan oleh Nasa’i dan Ibnu Hibban dari Anas radhiyallahu’anhu dalam kitab Al-Albani Shahiihul Jaami’ no 5969).

Al-Khansa wafat pada permulaan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan pada tahun ke-24 Hijriyah.



Tokoh Keenam: Tokoh Zinnirah Ar-rumiyah

تَوَكُّلَةُ زَيْنَبُ رُومِيَّةِ (أَوَّلُ شَيْءٍ كَرِهَ أَوْ قَائِمٌ)

TOKOH ZINNIRAH AR-RUMIYAH (ORANG KURANG UPAYA)

Zinnirah Ar-Rumiyah adalah seorang wanita berketurunan bangsa Rom. Beliau telah ditawan dan dijual di sebuah pasar di Mekah. Akhirnya, beliau telah dibeli oleh Umar Al-Khattab untuk dijadikan sebagai hamba. Dari segi fizikalnya, Zinnirah Ar-Rumiyah kelihatan lemah tetapi dari segi spiritualnya beliau mempunyai jiwa yang cukup kental dan tabah.

Pada peringkat awal keislaman beliau, Zinnirah Ar-Rumiyah melakukan suruhan-suruhan Islam secara sembunyi-sembunyi kerana takut diketahui oleh tuannya, Umar Al-Khattab yang terkenal dengan sifatnya yang tegas dan berani. Umar sebelum memeluk Islam amat memusuhi Rasulullah S.A.W dan kaum muslimin. Zinnirah Al-rumiyah bersolat, berzikir, membaca Al- Quran dan berdoa kepada Allah dengan penuh syahdu dan keinsafan. Semua ini dilakukan dengan penuh hati-hati.

Penderitaan ke atas Zinnirah bermula setelah Umar mengetahui keislamannya. Umar dapat menghidu perubahan yang telah berlaku ke atas hambanya itu. Setelah diselidiki, ternyatalah bahawa hambanya itu telah menerima ajaran tauhid yang dibawa oleh Muhammad S.A.W. Zinnirah menjadi mangsa awal kerana kebencian Umar terhadap Islam dan kaum muslimin. Umar menyeksa dan mendera Zinnirah Ar-Rumiyah dengan harapan Zinnirah Ar-Rumiyah akan kembali kepada agama asalnya dan meninggalkan Islam.

Pelbagai seksaan dikenakan terhadapnya. Pukulan, hentakan, sepak terajang, dijemur di tengah-tengah panas terik menjadi rutin biasa dalam kehidupan Zinnirah Ar-Rumiyah. Semuanya dihadapi dengan penuh kesabaran disamping hati dan jiwanya bergantung penuh kepada pertolongan Allah.



Kemuncak penderaan terhadap Zinnirah Ar-Rumiyah ialah apabila kedua matanya dicucuk dengan besi panas yang mengakibatkannya hilang penglihatannya dan terpaksa mengharungi kehidupan dalam kegelapan. Namun begitu, hatinya penuh dengan cahaya keimanan. Iman menjadi penyuluh hidupnya dalam menghadapi kesengsaraan azab dari tuannya.

“Ini untukmu Ya Allah. Aku mengharungi kesengsaraan ini untuk mendapat kesenangan di akhirat kelak. Perjuangan ini sememangnya berat, selalu menderita dan sengsara kerana aku sedar untuk mendapat syurgaMu, aku terpaksa menagih ujian berat, sedangkan neraka itu dipagari oleh pelbagai kesenangan”. Inilah rintihan hati Zinnirah Ar-Rumiyah kepada Allah ketika bermunajat kepadaNya di setiap malam sebagai penawar jiwa diatas segala kesengsaraan yang dihadapi.

Zinnirah Ar-Rumiyah akhirnya dibeli oleh Abu Bakar As-Siddiq. Walaupun menerima pelbagai rupa seksaan daripada Umar tetapi beliau tidak mendendami tuannya itu. Malah beliau berdoa kepada Allah memohon agar diberikan hidayah kepada Umar. Penderitaan Zinnirah Ar-Rumiyah tidak berakhir di sini, malah dia dicerca oleh kaum musyrikin Mekah. Mereka mengatakan Zinnirah Ar-Rumiyah buta kerana mendapat laknat daripada tuhan Latta dan Uzza.

Namun begitu, Zinnirah Ar-Rumiyah dengan penuh keberanian mempertahankan dirinya dengan mengatakan dirinya buta bukan kerana tuhan mereka, tetapi ia adalah perbuatan Umar dan Allah mengizinkannya berlaku.

Walaupun diuji dengan pelbagai ujian, keyakinannya kepada Allah tidak berubah. Allah memberi karamah kepadanya. Matanya yang buta itu dapat melihat kembali. Malah sinaran matanya itu lebih bercahaya.

Zinnirah Ar-Rumiyah, seorang wanita biasa, yang mungkin tidak dikenali, yang tidak punya harta atau ijazah tetapi mendapat pujian daripada Allah. Para malaikat mendoakan kesejahteraan. Mata kasarnya buta tapi mata hatinya celik, disinari dengan cahaya keimanan serta keyakinan kepada Allah.





Tokoh Wanita Kelantan 2019



TOKOH

SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (USAHAWAN)

Wanita ini tidak pernah serik dengan jatuh bangun dalam bidang perniagaan. Beliau yang dimaksudkan adalah Puan Zarinah binti Md Zain merupakan Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid yang berumur 60 tahun dan dilahirkan di Machang, Kelantan. Hasil perkahwinan beliau dengan Zahari bin Zainal Abidin telah dikurniakan seramai 6 orang cahaya mata.

Beliau menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Hamzah (1) dan melanjutkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah (1) pada tahun 1972 hingga 1976. Beliau telah menerima Diploma Pentadbiran Pelancongan di Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada tahun 1978.

Beliau terlibat dalam industri pelancongan di permulaan kerjaya beliau sesuai dengan bidang pengajian yang diambil. Namun minat yang mendalam dalam bidang perniagaan serta latar belakang keluarga yang menjalankan perniagaan sejak turun temurun telah menguatkan semangat beliau untuk terlibat sama dalam bidang perniagaan.

Sepanjang 20 tahun dalam perniagaan, pelbagai pengalaman berharga telah ditimba oleh beliau. Turun naik adalah asam garam biasa dalam sesebuah perniagaan. Namun wanita ini tetap gigih membangunkan perniagaannya. Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Kini 3 orang anak beliau turut terlibat dalam bidang perniagaan.



Keaktifan dalam keusahawanan tidak menghalang beliau untuk aktif berpersatuan malah turut memberi sumbangan secara langsung dalam organisasi masjid dan kemasyarakatan. Beliau merupakan Naib Pengerusi Hal Ehwal Wanita Masjid Sultan Yahya Petra Machang. Selain itu beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Koperasi Jabatan Pertanian Machang dan merupakan Ketua Wanita PERDASAMA Kelantan.

Penglibatan beliau dalam industri pembuatan makanan khususnya kicap dan sos telah diiktiraf pelbagai pihak dan memenangi pelbagai pertandingan. Terkini beliau telah merangkul tempat Pertama bagi kategori Sos Pencicah Cili Kering dan tempat Kedua kategori Kicap Lemak Manis di Ekspo Tani & Ekspo Hijau Negeri Kelantan 2018. Pada tahun 2017 beliau telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pemasar Tani Jaya di Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2017. Beliau juga telah menerima anugerah TESCO's Top SME 2017 dan TESCO Potential Growth SME 2017. Beliau juga telah merangkul Anugerah Usahawan Cemerlang Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) di Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015.



TOKOH

SAYYIDATINA
ZAINAB KHUZAIMAH
(KEMASYARAKATAN)

Puan K.A. Razhiyah dilahirkan pada tanggal 4 Disember 1959 di Kota Bharu Kelantan. Beliau telah melangsungkan perkahwinan dengan lelaki Jerman Mr. Klauz Hans Joachin Muller, seorang jurutera.

Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu pada tahun 1974 di peringkat LCE, kemudiannya melanjutkan pengajian beliau di beberapa institusi pendidikan yang lain antaranya, Sekolah Methodist Seremban, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dan Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur pada tahun 1990. Kesungguhan dan kecintaan beliau kepada ilmu akademik akhirnya berbayar apabila beliau mendapat segulung ijazah di dalam jurusan pendidikan khas dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997.

Puan K.A. Razhiyah banyak menyumbang bakti beliau kepada masyarakat, terutama kepada golongan istimewa, apabila beliau menabur bakti sebagai guru pendidikan khas sejak dari tahun 1990 lagi. Pada tahun 2007 beliau telah di lantik sebagai guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu sehingga sekarang.

Puan K.A. Razhiyah turut mengharumkan nama Kelantan di persada antarabangsa apabila beliau telah di anugerahkan SENIA Advocacy Award, iaitu Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 dan turut dinobatkan sebagai *Top 50*

Finalist Global Teacher Prize bagi tahun 2018 oleh Yayasan *Varkey London United Kingdom*.

Sejak berkhidmat di SMK Panji pada 2006, beliau memperkenalkan program Teratak Spa iaitu projek yang memberi peluang kepada pelajar istimewa mengendalikan rawatan kecantikan, seperti rawatan muka, kaki dan urutan tangan. Kejayaan ini mengharum nama beliau di peringkat kebangsaan apabila telah di anugerahkan sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Khas sebanyak dua kali dan tiga kali di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain terlibat dalam bidang pendidikan khas, beliau turut menceburkan diri di dalam bidang penulisan bahan ilmiah dan kreatif serta banyak menulis skrip-skrip TV. Sepanjang karier beliau, sebanyak 46 rencana dan laporan telah diterbitkan di dalam bidang pendidikan dan 31 rencana di dalam bidang penulisan dan teater. Kejayaan beliau di dalam penulisan skrip terserlah apabila karya beliau telah di calonkan di dalam anugerah Skrin TV3 melalui drama *Kehangatan Lantana* pada tahun 2008 dan *Rendang untuk Mertua* pada tahun 2006.

Beliau turut melibatkan diri sebagai penceramah dan fasilitator di dalam program-program peringkat antarabangsa, antaranya sebagai penceramah di *Hui Dong Center for Special Education* di Vietnam, sebagai *Moderator* di *EduTech Asia* di Singapura, Pembentang *Southeast Asia Minister of Education Organization* di Bangkok dan sebagainya.

Pada 28 Mac 2019 yang lepas, beliau telah di jemput khas oleh beberapa saluran TV bagi sesi temuramah segmen *Inspirasi* untuk berkongsi kejayaan-kejayaan yang telah di tempa oleh beliau di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. “Saya menganggap pelajar istimewa ini seperti anak sendiri dan cuba menyampaikan ilmu kepada mereka sebaik mungkin sehingga menjadi insan yang berguna dan berjaya di sebalik kekurangan diri masing-masing”. Semangat dan jasa Tokoh Wanita ini kepada anak-anak istimewa dan masyarakat sememangnya wajar di jadikan inspirasi dan contoh kepada semua wanita Kelantan.



TOKOH

AL-KHANSA'
AMRU
(KESENIAN)

Hajah Che Zawiah binti Che Pa anak kelahiran Melor, Kelantan merupakan Tokoh Al-Khansa' Amru yang mempunyai pengalaman menulis yang luas. Beliau mula aktif menulis ketika masih di bangku sekolah lagi sekitar akhir tahun 70-an sehingga sekarang.

Hajah Che Zawiah telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Melor dan seterusnya di Akademi Kenali Kubang Kerian. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Maktab, Perguruan Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1987 hingga 1990. Hasil perkahwinan beliau telah dianugerahkan 5 orang cahaya mata.

Selepas tamat pengajian, beliau memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Ketereh pada tahun 1990-1997. Pada tahun 1998, beliau telah ditukarkan ke Sekolah Kebangsaan Long Gaffar dan pada tahun 2010 hingga sekarang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Wakaf Stan.

Sijil pertama yang diperolehi beliau iaitu Sijil Penghargaan Penulisan Rencana Kempen Anti Dadah Kebangsaan ketika di tingkatan 5. Ini telah mendorong minat beliau lagi untuk menceburi bidang penulisan. Cinta beliau terhadap kesenian tetap utuh dan subur sehingga ke hari ini. Ini dibuktikan apabila beliau mendapat Sijil Kursus Penulisan Kisah Hidup pada tahun 2018.

Karya pada masa itu lebih menjerus kepada penulisan berbentuk puisi, rencana, cerpen namun beliau lebih aktif dalam skrip penulisan drama radio. Antara slot drama yang pernah ditulis oleh beliau pada suatu



masa dulu iaitu rancangan Panggung Drama, drama bersiri No 5 Persiaran 1 dan drama bersiri Purbawara. Beliau turut menulis genre yang sama untuk Radio Malaysia Kelantan.

Bakat beliau turut terserlah dalam penulisan novel. Antara karya yang pernah diterbitkan 'Masih Ada Yang Sayang' dan 'Persinggahan Kasih' terbitan Raz Studio Jalan Pantai Baru Kuala Lumpur. Selain itu novel 'Lerailah Musim Duka' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka serta novel kanak-kanak 'Indahnya Duniaku' terbitan Cerdik Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur telah dicetak pada tahun 2004.

Penglibatan dalam bidang seni ini telah memperlihatkan beberapa kejayaan dan pencapaian Hajah Che Zawiah. Antara pencapaian beliau telah dianugerahkan hadiah saguhati penulisan rencana sempena ulang tahun ke-500 *Oxford University Press* pada tahun 1978, hadiah penghargaan penulisan cerpen berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri atas tajuk cerpen Doa Ayah, Tokoh Jasamu Dikenang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2002.



TOKOH

**SITI AMINAH ABDUL
WAHAB
(ARMALAH)**

Puan Sawani binti Wan Mohamad Nawi atau lebih di kenali sebagai Kak Wani di lahirkan pada 1 Jun 1963 di Kampung Rahmat Kuala Krai Kelantan. Beliau berkongsi hidup bersama Encik Ahmad Rashidi bin Muhammad dan telah di kurniakan 8 orang cahaya mata, 4 lelaki dan 4 perempuan. Beliau menyara keluarga dengan berniaga secara kecil-kecilan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan, Wakaf Bharu pada tahun 1975, seterusnya ke peringkat SPM pada tahun 1983 di Sekolah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 1. Walaupun beliau hanya sempat melanjutkan pengajian peringkat menengah namun kesungguhan beliau dalam pendidikan di terjemahkan kepada anak-anak beliau yang sebahagiannya telah berjaya menjejakkan kaki ke menara gading.

Anak sulung beliau yang kini berusia 36 tahun, Puan Nor Ashikin Nada kini berada dalam tahun akhir di peringkat Ijazah Kedoktoran PhD di Universiti Malaya. Dua daripada anak beliau merupakan lulusan Sarjana Muda dan yang lain, meneruskan kerjaya di dalam bidang perniagaan. Walaupun bergelar ibu tunggal, kegigihan dan keazaman beliau untuk melihat anak-anak beliau berjaya di dalam pendidikan patut di contohi oleh ibu-ibu lain. Kejayaan beliau terserlah apabila hampir kesemua anak-anak beliau berpendidikan tinggi dan mampu untuk menjadi usahawan yang berjaya.



Walaupun bergelar seorang ibu tunggal, beliau turut aktif di peringkat kawasan dan cawangan. Istiqamah dan kesungguhan beliau di dalam gerak kerja Islami terserlah apabila beliau di beri tanggungjawab sebagai Ketua Muslimat Cawangan Kg. Rahmat. Selain itu, beliau turut menggalas tanggungjawab sebagai AJK Dewan Muslimat Kawasan Kuala Krai. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa HalWa Dun Guchil.

Gerak kerja Islam ini amat di titik beratkan oleh beliau. Beliau sentiasa menjaga nama baik arwah suaminya, berikutan arwah suaminya, Almarhum Ahmad Rashidi merupakan peserta halaqat yang sangat di kenali di kawasan Kuala Krai.

Selayaknya beliau dinobatkan sebagai Tokoh Siti Aminah Abd Wahab diatas komitmen dan kesungguhan beliau sebagai seorang aktivis sosial di samping keupayaan beliau mendidik, dan membesarkan anak-anak beliau dengan kudrat sebagai seorang ibu tunggal. Kejayaan mendidik 8 orang anak dan pada masa yang sama bergerak aktif serta menyumbang bakti tenaga kepada Islam pastinya perlu di contohi oleh ibu-ibu tunggal mahupun semua wanita Kelantan.



TOKOH

**SAYYIDATINA AISYAH
ABU BAKAR
(PENDIDIKAN)**

Profesor Dr Nik Hazlina binti Nik Hussain telah dilahirkan pada tanggal 24 Februari 1965. Berkongsi hidup dengan Shaiful Bahari bin Ismail, mereka telah dikurniakan 5 orang cahaya mata. Anak sulung mereka Aina Maisarah, 24 tahun, kini sedang mengikuti kursus perubatan di Universiti Sains Malaysia (USM) cawangan di India. Anak kedua, Anis Muneerah, 22 tahun, sedang menuntut di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN-JAKIM) dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal & Persijilan Tahfiz Al-Quran. Anak ketiga, Aida Mardhiah, 19, merupakan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (Syariah), di Darul Quran JAKIM manakala Alia Marliana, 18, juga adalah pelajar Pengajian Sains Komputer & Persijilan Tahfiz Al-Quran (UNITEN-JAKIM) dan Aisyah Amirah, 16, pula sedang belajar di Sekolah Menengah Islam Aman, Binjai, Kota Bharu.

Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra Kota Bharu, Sekolah Menengah Zainab Kota Bharu, Sekolah Seri Puteri Kuala Lumpur dan Matrikulasi UKM di Sekolah Seri Puteri Kuala Lumpur. Beliau seterusnya telah berjaya mendapat kelulusan Sarjana Muda Doktor Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sarjana Doktor Perubatan Obstetrik & Ginekologi di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Subkepakaran (Reproduksi Endokrin & Infertiliti) di *Royal Women's Hospital & Melbourne IVF, Victoria, Australia*.

Beliau bukan sahaja seorang Pensyarah Perubatan di Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), malah beliau juga adalah Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi. Beliau pernah memenangi beberapa anugerah di peringkat



antarabangsa iaitu *Asian & Oceanic Congress of Obstetrics & Gynaecology, International Traditional & Complementary Medicine, International Conference on Nutraceutical & Cosmetic Sciences* dan juga beberapa kali mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang USM pada tahun 2002, 2010 dan 2017.

Selain itu, beliau juga telah menyelia 30 orang pelajar Sarjana Obstetrik & Ginekologi dan juga dari pelbagai kepakaran perubatan bidang yang lain, pasca sarjana mod penyelidikan dan doktor falsafah. Beliau juga telah berjaya memegang geran penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa yang bernilai hampir dua juta sebagai penyelidik utama. Hasilnya lebih daripada 60 penerbitan antarabangsa dan prosiding dalam jurnal berwasit berjaya diterbitkan. Beliau merupakan ahli sidang editor beberapa buah jurnal antarabangsa dan juga terlibat sebagai penilai bagi jurnal *BMC Pregnancy & Childbirth, Journal of Sexual Medicine* dan beberapa jurnal kebangsaan.

Beliau juga telah menerbitkan lebih daripada 20 judul buku berwasit bacaan umum, dua buah buku ilmiah, tiga buah novel yang bertemakan perubatan dalam Bahasa Melayu, beberapa bab dalam buku, rencana di laman sesawang dan juga lebih daripada 400 rencana di media massa dan menyumbang beberapa bab dalam buku teks universiti. Beliau telah diberi kepercayaan mengendalikan ruangan soal jawab doktor di akhbar *Mingguan Malaysia*, akhbar lain dan juga Dewan Kosmik lebih dari enam tahun. Beliau juga terlibat dalam pembentangan kertas kerja sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Kegigihan usaha dan peranan yang sangat baik yang dimainkan oleh beliau terbukti apabila beliau berjaya membimbing pelajar perubatan dalam projek penulisan buku Bahasa Melayu bagi program Kajian Komuniti Kes Keluarga (K4KK) dan beliau sendiri pernah mendapat anugerah sebagai penyelia terbaik, manakala salah seorang pelajarnya telah dianugerahkan Anugerah Moreira.



Memiliki sifat yang suka berkongsi ilmu perubatan dengan masyarakat, menyelia pelajar universiti dalam kajian dan penulisan, telah melayakkan Profesor Dr Nik Hazlina Binti Nik Hussain dinobatkan sebagai Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar (Pendidikan). Beliau menglibatkan diri dalam Program Bicara Doktor, rancangan Selamat Pagi Malaysia, menganjurkan Seminar Kesihatan Wanita dan aktif menyampaikan ceramah-ceramah kesihatan kepada wanita di pelbagai peringkat.





TOKOH

ZINNIRAH AR-
RUMIYAH
(OKU)

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Kekurangan pada deria penglihatan Amy Suzani binti Mohd Ainuddin, 52 tahun tidak pernah menghalang beliau untuk terus berkarya kreatif. Beliau dilahirkan pada 24 Ogos 1967 dan berkerjaya sebagai penulis bebas.

Beliau berkahwin dengan Mohd. Ghazali binti Abdullah berbangsa Cina dan menetap di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Bahtera perkahwinan pasangan bahagia ini dikurniakan sepasang cahaya mata iaitu Naeema Natasya Puteri berusia 12 tahun dan Aizuddin Aqasyah Putera berusia 11 tahun.

Pendidikan rendah beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Dato' Hashim, Pengkalan Chepa. Seterusnya, beliau meneruskan pendidikan menengah di SMK Sultan Ibrahim 2, Pasir Mas dan menyambung pendidikan peringkat STPM di SMK Tengku Panglima Raja, Pasir Mas. Minat yang mendalam dalam bidang penulisan membawa beliau melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Penulisan di Universiti Malaya tahun 1987 hingga 1989.

Dalam bidang kerjaya, selepas tamat pengajian peringkat Ijazah, beliau terus terlibat sebagai Penulis Bebas sepenuh masa sehingga sekarang. Selain itu, beliau juga terlibat dalam memberi latihan penulisan antaranya sebagai Jurulatih Sambilan (Penulisan) di Pejabat Kebudayaan Kelantan (1993-1994) dan Pensyarah Sambilan (Penulisan Novel) di Akademi Seni Warisan dan Kebudayaan Malaysia (2002–2004). Beliau juga pernah terlibat sebagai wartawan sambilan untuk Majalah Anakku pada tahun 1998.

Bakat yang mendalam dalam bidang penulisan kreatif telah diterjemahkan melalui penulisan pelbagai genre samada bersifat kreatif mahupun ilmiah. Antaranya penulisan novel remaja, antologi cerpen, novel kanak-kanak, buku umum, buku akademik, skrip drama radio TV dan pentas serta penulisan puisi.

Kesungguhan beliau dalam menghasilkan naskah skrip drama radio telah mengangkat naskah tersebut untuk disiarkan di Stesen Radio Negeri-Negeri di Malaysia, Stesen Televisyen Brunei dan Stesen Radio Warna Singapura. Skrip drama radio ini merangkumi drama kanak-kanak, panggung drama, purbawara, Titian Remaja, Pentas Radio, Puisi Rama, drama tokoh Islam dan sebagainya.

Kebolehan penulisan puisi beliau terserlah melalui pelbagai antologi puisi antaranya Bulan Barakah, Sempadan Abadi, Jamung Merdeka, Bahtera Peradaban dan sebagainya. Puisi beliau bertajuk Kitalah Warga Merdeka Yang Mengerti telah dimuatkan dalam antologi Jamung Merdeka yang menjadi teks bagi Sayembara Deklamasi Puisi Peringkat Kebangsaan.

Bakat dan kebolehan beliau dalam penulisan telah menerima pelbagai hadiah dan penghargaan melalui peringkat negeri mahupun kebangsaan. Skrip drama beliau pernah dinobatkan sebagai Drama Terbaik Hadiah Drama Maal Hijrah 1998 dengan drama radio berjudul "Jambatan Kasih". Beliau juga telah merangkul Hadiah Utama iaitu Hadiah Puisi Kemerdekaan DBP Wilayah Timur dengan puisi "Kasidah Merdeka" dan "Sebuah Instrumentalia Cinta Dalam Nada Merdeka". Antara Anugerah yang telah diterima adalah Anugerah Penulis Harapan Negeri Kelantan 2003, Tokoh OKU Negeri Kelantan 2012, Tokoh OKU Akademik Negeri Kelantan 2014 dan Tokoh Budayawan OKU Negeri Kelantan 2017.



Kekurangan fizikal tidak membantutkan penglibatan beliau dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. Beliau aktif memberi bimbingan dan ceramah untuk murid-murid sekolah sekitar Kota Bharu menerusi penulisan cerpen dan puisi serta deklamasi puisi. Selain menulis skrip, beliau turut menggilap bakat-bakat muda yang berminat dalam seni pentas. Beliau turut memberi sokongan kepada golongan OKU penglihatan termasuk wanita khususnya dalam bidang pengucapan awam berkesan.



Ikon Wanita Kelantan 2019



IKON USAHAWAN

Ikon usahawan pada tahun ini telah dinobatkan kepada Wan Norsyafikah binti Wan Mat Rifin yang berasal dari Kampung Kedai Buloh, Badang, Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan salah seorang usahawan Kelantan yang berjaya. Beliau telah berkahwin dengan Ahmad Salmizi bin Muhammad yang juga merupakan ahli usahawan perabot. Beliau telah dikurniakan tiga orang cahaya mata yang bernama Ahmad Firas Muizz (6 tahun), Nur Khaira Humaira (4 tahun) dan Nur Dhia Humaira (3 tahun).

Beliau telah mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kedai Buloh pada tahun 2006 sehingga tahun 2010.

Beliau merupakan pengasas *Gallery Bawal* yang mula beroperasi tahun 2012. Pada tahun 2018, jualan tahunan beliau mencecah sehingga RM1.9 juta. Selain itu, beliau berjaya mempunyai agen stokis seramai 150 orang di seluruh Malaysia dan mempunyai seramai 78 orang pekerja dibawah seliaan beliau.

Beliau banyak memberi sumbangan kepada rumah anak-anak yatim, rumah orang-orang tua serta menanggung kos utiliti masjid-masjid. Beliau juga bermurah hati untuk meringankan beban penduduk kampung dari segi material dan kudrat beliau. Kegigihan dan kekentalan jiwa yang dimiliki mendorong beliau mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk masyarakat setempat.



IKON MASYARAKAT

Nur Amalina binti Ismail berasal daripada Limbat, Kota Bharu, Kelantan. Beliau yang berumur 27 tahun telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Gong Dermin dan memilih Sekolah Menengah Agama (Agama) Taqaddum Maarif bagi meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah bermula pada tahun 2005 sehingga 2008. Kemudian beliau berpindah ke Maahad Syamsul Maarif (Perempuan) Machang, Kelantan dan berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 2009.

Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru selama setahun di *Children Islamic Centre*, Bangi. Di samping itu, ikon ini juga menawarkan diri sebagai sukarelawan di *Islamic Outreach* ABIM Kelantan selama lebih kurang 4 tahun dan sebagai penggerak masyarakat orang asli (PMOA) JAKIM bermula pada tahun 2014 dan masih bergiat aktif sehingga sekarang. Beliau disatukan dengan Muhd Fardhu bin Angah yang berketurunan orang asli Temiar serta dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Nur Ain Farhana binti Mohd Fardhu dan Mohammad Amsyar bin Mohd Fardhu. Anak sulungnya berumur 5 tahun dan masih belajar di PASTI Al-Akhlak Gua Musang.

Ikon ini pernah merangkul anugerah pendakwah rimba negeri Kelantan pada 2017 dan masih mengekalkan pencapaian cemerlang dengan menyantuni masyarakat sekaligus berjaya mengislamkan hampir 20 orang Asli. Kelebihan beliau yang mampu bertutur dalam bahasa orang Asli Temiar mungkin menjadi faktor terbukanya hati mereka untuk mengenali Islam yang boleh dijadikan sebagai pegangan hidup selagi





hayat dikandung badan. Tidak terhenti disitu, Nur Amalina juga melunaskan kefardhuan sebagai seorang Muslim dengan bersama-sama menguruskan jenazah orang Asli di pos tuel yang melibatkan seorang warga emas dan seorang kanak-kanak. Beliau juga berbakat dalam menghasilkan kraftangan orang asli seperti selendang (tempo).





IKON PENDIDIKAN

Dr Rohimah binti Mohamud telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Chiku 03 Gua Musang dan Sekolah Menengah Aminuddin Baki Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Chepa, Kelantan. Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat matrikulasi di Kolej Mara Banting, Selangor dan menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains di Universiti Malaya. Beliau meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Sains di Universiti Sains Malaysia, Kelantan sebelum menyambung pengajian di peringkat tertinggi PhD di *Monash University*.

Dr Rohimah binti Mohamud telah bertemu jodoh dengan Mohd Shamsul Hisham bin Mat Hassan Latfi. Hasil perkahwinan beliau dengan suami, mereka telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata iaitu, Fatin Shakirah, Fatin Shahirah dan Alissa Shafiyah yang masih lagi bersekolah Sekolah Menengah Islam Aman Binjai, manakala Hana Mawadah merupakan pelajar di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam Madinatul Ilmi, Kubang Kerian. Iffah Karimah yang berusia 4 tahun dan sedang belajar di PASTI Jejuluk, Yusuf yang berusia 2 tahun dan juga Zahra Solehah yang berusia 8 bulan.

Berikut antara kejayaan yang berjaya dilakar oleh beliau:-

- Anugerah akademik terbaik Sekolah Aminuddin Baki
- Anugerah Johan bola jaring bagi seluruh sekolah di Kuala Lumpur (MSSKL)
- Anugerah dari Felda-SPM terbaik seluruh Felda Wilayah Gua Musang
- Anugerah *National Science Foundation*
- Mendapat liputan dari Sinar Harian dalam ruangan 'Pencapaian Wanita'

- Pelbagai anugerah dari luar negara sepanjang tempoh pengajian PhD di Australia
- *National Science Fellowship MOSTI Malaysia*
- *Travel Award, ASI 2009, Monash University*
- *Travel Award, International Congress of Immunology, Osaka Jepun*
- *Top up Scholarship, Top up Scholarship, Australia*
- *Travel Award, ICI2010, International Congress of Immunology*
- *IgV Roadshow Bursary, ASI 2012 Melbourne, ASI 2012, Melbourne 2012*
- *Bursary and Travel Award, 4th International Nano Medicine Conference, Sydney*
- *Young Investigator Awards, Immunology Symposium 50 Years: Past and Future, Immunology Symposium, Monash University*
- *Fellowship 2 weeks Scientific Attachment at University of Lorraine, France sponsored by Scientific and Cultural Department, French Embassy in Malaysia*
- Menjadi *cover girl* untuk buku program Monash University. Pengiktirafan terbesar kepada pelajar Muslim dari Malaysia
- Anugerah ke University of Lorraine dari kerajaan Perancis
- Anugerah sebagai *Young Scientist Network-Academy of Sciences Malaysia (2018-2021)*

Beliau merupakan seorang pensyarah muda yang berwawasan tinggi dalam memartabatkan dunia pendidikan dan juga kemasyarakatan. Beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah pada Julai 2014 setelah berjaya menghabiskan 5 tahun setengah pengajian PhD di Australia. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan 13 jurnal yang berimpak tinggi dan mendapat hampir 150 rujukan daripada jurnal baru.

Beliau juga turut menyelia 2 orang pelajar MSc, seorang pelajar PhD dan 2 orang pembantu penyelidik dan beberapa pelajar lain di bawah 13 geran penyelidikan. Beliau telah membentangkan hampir 40 kertas kerja persidangan di dalam dan luar negara. Walaupun masih baru dalam dunia kerjaya, tetapi beliau telah diberi tanggungjawab besar oleh



pengurusan PSSP sebagai setiausaha persidangan peringkat antarabangsa. Pelajar di bawah seliaan beliau berjaya mendapat anugerah biasiswa untuk program berkembar dengan University of Lorraine, Perancis.

Sebagai seorang pensyarah muda, beliau juga berjaya mempatentkan penemuan berikut:

- *Regulatory T cells and dendritic at homeostasis levels and during acute/chronic airways inflammation (asthma and acute lung injury mouse models)*
- *Potential of TNF receptor 2 in nanomedicine development at targeting lung diseases (allergy and cancer)*
- *Interactions of environmental stimuli (nanoparticles and LPS) and biological factor (follistatin and etarnercept) with lung immune cell*
- *Effects of pre-exposure of environmental and biological stimuli on the development of asthma.*

Negeri Kelantan amat berbangga dengan pencapaian Dr Rohimah binti Mohamud dalam bidang yang diceburi. Ini telah membuktikan bahawa wanita Kelantan mampu terkehadapan dan sentiasa berdaya saing dalam semua sektor terutamanya dalam bidang pendidikan. Semoga kejayaan yang dicapai mampu memberi inspirasi kepada seluruh wanita di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya untuk lebih berdaya maju sekaligus memartabat wanita Malaysia sebaris dengan negara maju yang lain.





IKON KESENIAN

Siti Mariam Binti Mat Nor, berusia 32 tahun dan merupakan anak jati Kampung Pangkal Pisang Peringat, Kelantan. Dilahirkan pada tahun 1987 merupakan ikon kesenian yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang seni lukis dan seni reka (Seramik). Beliau dianugerahkan seorang anak yang berusia 4 tahun hasil perkahwinan dengan Mohd Noraznan bin Norizan.

Beliau mempunyai asas seni lukis dan seni reka (seramik) semenjak menuntut pengajian Diploma pada tahun 2008. Kemudian, pada tahun 2010, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang yang sama iaitu seni lukis dan seni reka (Seramik) di UiTM Shah Alam. Pada tahun 2015, Siti Mariam melanjutkan pengajian dalam bidang Reka Bentuk Produk di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Oleh kerana terlalu meminati bidang ini, beliau menyambung pengajian di peringkat PhD dalam pengkhususan Teknologi Bahan dan ianya masih dalam fasa penyelidikan.

Beliau memulakan kerjaya beliau di Zutah Industries sebagai pelajar praktikal pada bulan Mei 2010 hingga hujung tahun dan Pusat Pemulihan Orang Cacat Perak sebagai jurulatih seni seramik pada tahun 2010 hingga 2011. Pada Disember 2010 hingga bulan Mei 2011, beliau menjadi pembantu seramik artis di Pati Satu Studio. Kemudian, beliau menjadi Pereka Grafik pada tahun 2011.

Seterusnya, beliau menjadi pensyarah sambilan di *Open University* Malaysia pada Mei 2011 hingga Mei 2018 dan diikuti dengan menjadi





tenaga pengajar Seni Seramik di Pusat Ko-Kurikulum Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian bermula pada Mei 2011 hingga sekarang.

Beliau seorang yang sangat aktif dalam persatuan seperti Persatuan Seniman dan Warisan Kelantan (PESTA), Persatuan Pereka Alami Kelantan (SEREKA) dan lain-lain. Beliau juga pernah mendapat beberapa anugerah sepanjang terlibat dalam bidang ini seperti Program Makmal Inovasi Usahawan Produk Seni pada tahun 2016, pembentang *International Conference On X-Rays And Related Techniques In Research and Industry* pada tahun 2018 dan lain-lain lagi.



IKON OKU

Nur Imana Balqis binti Ramli merupakan anak kelahiran Melor, Kelantan dan dilahirkan pada tahun 1992. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Melor. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dalam jurusan diploma, ijazah dan seterusnya sarjana di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Walaupun Nur Imana Balqis dikategori seorang insan yang tidak sempurna dari sudut fizikal, namun ianya tidak menjadi halangan untuk beliau bergiat aktif baik di alam kampus mahupun bersama dengan masyarakat setempat.

Beliau juga turut menganggotai Persatuan Insan Kelantan dan sering menghadiri program yang dianjurkan. Selain itu, beliau juga turut aktif melibatkan diri di peringkat kawasan Melor dengan membantu masyarakat setempat berkaitan dengan komputer. Semangat juang yang terpasak dalam diri beliau membuktikan bahawa kejayaan bukan hanya semata-mata terletak kepada kekuatan fizikal sahaja, bahkan pada kekuatan mental dan fikiran seseorang individu. Bak kata pepatah, jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.





IKON

SUKAN

Nurul Fathihah binti Ibrahim dilahirkan pada 12 September 2001 di Hospital USM Kubang Kerian, Kelantan. Walaupun usianya baru mencecah 18 tahun, nama beliau mula mencuri perhatian ramai apabila telah berjaya mengharumkan nama barisan kontinjen Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford pada peringkat Majlis Sukan-Sukan Daerah (MSSD) di daerah Lipis pada 2018 yang telah berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa.

Dalam masa yang sama, beliau telah berjaya menonjolkan kehebatannya dalam bidang sukan ketika penglibatannya dalam pertandingan Kriket Perisai Tuanku Najihah. Bertitik tolak daripada itu, ikon contoh ini telah berjaya mengharumkan nama sekolahnya dengan mendapat johan dua tahun berturut-turut. Walaupun tahun berikutnya dia tidak ditakdirkan untuk meraih johan, tetapi pada tahun seterusnya beliau berjaya merampas kembali takhta sebagai johan dalam pertandingan itu.

Selain daripada menjadi kebanggaan sekolah dengan mewakili dan memenangi pingat emas, beliau juga telah dicaturkan untuk kekal berentap pada setiap tahun bersama dengan pasukan luar negara seperti pasukan Pattani, Thailand. Selain dari itu, beliau juga pernah berpeluang beraksi bersama dengan pasukan kriket Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Rentetan daripada pelbagai ruang dan peluang yang tersedia kepada beliau, membolehkan beliau untuk mengutip sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu agar dapat memandu perjalanan pada masa akan datang.





Besar harapan agar kejayaan beliau mengharumkan nama sekolah dapat diperhebat lagi hingga ke peringkat antarabangsa, sekaligus dapat mengangkat martabat Malaysia di arena sukan dunia. Semoga beliau terus menjadi contoh teladan serta menjadi inspirasi kepada anak muda pada masa kini dan mendatang.





Anugerah Khas Wanita Cakna Kebajikan 2019

Faziani Rohban binti Ahmad atau lebih di kenali dengan panggilan mesra “Faz”, berusia 41 tahun. Mempunyai darah campuran Pakistan sebelah bapa beliau. Anak jati Kota Bharu ini berasal dari Jalan Kebun Sultan dan anak ketiga daripada tujuh orang adik beradik. Beliau berkahwin dengan Haji Ahmad Shah Rizal Ibrahim dan menguruskan syarikat kepunyaan beliau iaitu Rohban Trade Sdn Bhd.

Perwatakan beliau yang sederhana dan merendah diri menyebabkan beliau hanya mahu dikenali sebagai jurucakap produk Dnars dan menolak banyak pelawaan sesi temu bual media yang mendedahkannya sebagai pengasas produk itu.

Puan Faziani sangat meminati bidang kecantikan sejak zaman remaja lagi. Seorang gadis yang suka melaram, beliau menjaga kecantikan diri dan sentiasa bergaya dengan pakaian yang cantik serta berkasut tumit tinggi. Beliau mengamalkan petua kecantikan daripada nenek moyang sejak zaman sekolah menengah lagi.

Adat orang berniaga, pasti ada kesukaran yang dilalui. Begitu juga dengan Puan Faziani. Semasa menjalankan perniagaan salon, Puan Faziani turut berniaga beberapa jenama kosmetik bersama rakan kongsi. Beliau terpaksa menutup salonnya kerana ingin menumpukan pada penjualan kosmetik yang memerlukannya bergerak ke sana ke mari. Pernah ditipu soal duit oleh rakan kongsinya, akhirnya Puan Faziani bertekad untuk mengeluarkan produk sendiri, maka terhasil jenama Dnars. Produk pertamanya merupakan sabun badan.



Menguruskan perniagaan seorang diri, ditambah pula urusan anak-anak, Puan Faziani memang melalui waktu yang sangat mencabar untuk membina jenama Dnars. Menurutnya, agak sukar untuk meyakinkan orang dengan produk yang belum dikenali.

Namun kegigihannya membuahkan hasil apabila produk Dnars semakin diterima dan semakin laris setelah diiklankan di dalam majalah. Kini, produk Dnars sudah mempunyai lebih 500 stokis dan pengedar di serata negara termasuklah Brunei dan Singapura. Produk yang dijual adalah produk penjagaan wajah bagi kulit sensitif, jerawat dan jeragat, sabun pencerahan kulit badan, kapsul dan minuman kesihatan berasaskan kolagen.

Pada 18 Mei 2019 bersamaan dengan 13 Ramadhan 1440 Hijriah yang lalu, Puan Faziani kembali ke rahmatullah selepas terlibat dalam kemalangan yang berlaku di Pattani, Thailand. Difahamkan, Puan Faziani bersama suaminya, Haji Ahmad Shah Rizal Ibrahim dalam perjalanan menuju ke sebuah pondok tahfiz yang terletak di Yala, Thailand bagi menyampaikan sumbangan kepada para pelajar tahfiz di sana.

Allahyarham Puan Faziani sangat dikenali di kalangan pelajar-pelajar tahfiz sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara. Ini kerana , beliau selalu memberi infaq dan sumbangan kebajikan pada mereka.

Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah menobatkan Allahyarham Puan Faziani sebagai penerima Anugerah Khas Wanita Cakna Kebajikan 2019 di atas infaq, sumbangan dan kebajikan yang telah dilakukan oleh Allahyarham Puan Faziani.





Anugerah Wanita Antarabangsa 2019

Dr. Samia Raheel Qazi berasal dari negara Pakistan. Beliau mendapat pengijazahan dari Universiti Punjab. Seterusnya, Sarjana Pengajian Islam dengan kepujian tertinggi dari Universiti Baluchistan dan memperolehi doktor falsafah dengan kajian bertajuk "Sistem Keluarga Dalam Islam Dan Cabaran Kontemporari" di Universiti Punjab, Lahore, Pakistan.

Beliau pernah mendapat latihan profesional sebagai ahli parlimen dan aktivis hak asasi manusia. Beliau juga telah berjaya mengikuti kursus keselamatan negara dari Universiti Pertahanan Nasional Islamabad. Selain itu, beliau juga mengikuti kursus polisi luar negara di PILDAT, Pakistan dan mengikuti kursus latihan kawalan wanita selama dua tahun yang merupakan sebahagian daripada pilihan pengajian sepanjang 12 tahun persekolahan di Pakistan. Beliau juga pernah menghadiri kursus pensijilan 40 hari dalam bidang Tajweed, Qiraat dan memahami Quran di Jamia Mansoorah Lahore. Beliau juga berjaya mengikuti kursus pendek pengajian Bahasa Arab dan Bahasa Parsi.

Dr. Samia Raheel Qazi kini memegang beberapa jawatan, iaitu:

1. Pengerusi Majlis Pemegang Amanah Kesatuan Wanita Muslim Antarabangsa IMWU, sebuah NGO dengan status ECOSOC di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
2. Lembaga Pengarah Ahli Ghazali Education Trust
3. Ahli Suruhanjaya Kebangsaan Pembangunan Manusia (NCHD)



4. Pemegang Amanah, Pertolongan Wanita, WAT adalah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berusaha meningkatkan kecemerlangan wanita selain menyediakan bantuan guaman kepada Wanita yang dipenjarakan
5. Ahli Majlis Penasihat Dawah Universiti Islam Antarabangsa Islamabad
6. Ahli Lembaga Pemegang Amanah Kesatuan Wanita Muslim Antarabangsa (IMWU)
7. Ahli Persidangan Antarabangsa untuk Parti Politik Asia (ICAPP)
8. Penyelaras Piagam e Pakistan
9. Duta Global Al-Khidmat Global Pakistan
10. Ahli Lembaga Pengarah "KHAWATEEN TRUST" yang menyediakan skim pembiayaan mikro untuk wanita
11. Pemegang Amanah Persatuan Global Wanita Islam
12. Ahli Pemikir Turki ESAM
13. Ahli wanita pertama dan antarabangsa dari Kesatuan Antarabangsa untuk Orang Islam Dari Pakistan



اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ ،
وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الصِّلَعِ أَعْلَاهُ ، فَإِنْ ذَهَبَتْ ثَقِيمُهُ كَسَّرَتْهُ
، وَإِنْ تَرَكَتْهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا ،

“Nasihatilah kaum wanita secara baik, kerana wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk. Sesungguhnya tulang rusuk yang paling bengkok adalah yang berada di bahagian yang paling atas. Jika engkau meluruskannya, bererti engkau mematahkannya; dan jika engkau membiarkannya, maka dia tetap akan bengkok. Oleh itu, nasihatilah kaum wanita secara baik.”

-Riwayat Bukhari Dan Muslim-



Tokoh yang Telah Menerima Anugerah

SENARAI IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2005

BIL	PARLIMEN	NAMA
1.	PENGKALAN CHEPA	Puan Wan Rafiah Bt Wan Ali
2.		Puan Minah Bt Abd Kadir
3.		Puan Maziah Bt Abdullah
4.		Puan Unaizah Bt Hj Che Mat
5.		Puan Meriah Bt Yaakob
6.		Puan Halimah Bt Pawanteh
7.	KUBANG KERIAN	Puan Salma Bt Hj Idris
8.		Puan Siti Nor Bt Husain
9.		Puan Hajjah Hanasif Bt Yusuff
10.	KOTA BHARU	Puan Siti Shara@ Siti Shariah Bt Hj Che Long
11.		Puan Siti Zainab Bt Yusof
12.		Puan Faridah Bt Ismail
13.		Puan Che Eshah Bt Che Awang
14.		Puan Siti Hawa Bt Abu Bakar
15.		Puan Hajjah Wan Zaimah@ Wan Zurky Bt Hj Wan Abdullah
16.		Puan Wan Faridah Bt Wan Adam
17.		Puan Minah Bt Deraman
18.		Puan Ramlah Bt Mat
19.		Puan Khadijah Bt Omar
20.		Puan Mariam Bt Mt Daud
21.		Puan Wan Faizah Bt Ab Kadir
22.		Puan Sema Bt Yamat
23.		Puan Siti Normah@ Norma Bt Abu Bakar
24.		Puan Wan Aminah Bt Wan Ibrahim
25.		PASIR MAS
26.	Puan Wan Zainab Bt Che Tahir	
27.	Puan Zainun@ Hasmah Bt Sulaiman	
28.	Puan Wan Zainab@ Wan Hasanah Bt Wan Ali	
29.	Puan Che Meriam Bt Che Din	
30.	Puan Hajjah S.A.W.lyah Bt Hj Abdul Rahman	
31.	Puan Hasnah Bt Ismail	
32.	Puan Mek Jah Bt Abdullah	
33.	Puan Siti Zaharah Bt Yaacob	
34.	Puan Sepiah Bt Deris	
35.	Puan Che Hasiah Bt Mamat	
36.	Puan Hasmah Bt Yaacob	

SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2005

BIL	PARLIMEN	NAMA
37.	MACHANG	Puan Hj Zainab Bt Hj Abdullah
38.		Puan Fatimah@ Wan Hasmah Bt Wan Abdullah
39.		Puan Bidah Bt Harun
40.		Puan Zainab Bt Omar
41.		Puan Zainab Bt Hj Yahya
42.		Puan Azizah Bt Awang Hamat
43.		Puan Bidah Bt Mahmood
44.		Datin Hajjah Hasnah Bt Salleh
45.	TUMPAT	Puan Bunga Bt Saman
46.		Puan Hajjah Nik Azizah Bt Daud
47.		Puan Ramlah Bt Hj Mat
48.		Puan Bunga Bt Senik
49.		Puan Kesong Bt Awang Kechil
50.		Puan Che Anisah Bt Hj Che Yahya
51.		Puan Che Zainab Bt Che Husin
52.		Puan Mai Selamah Bt Ahmad
53.		Puan Hajjah Che Mas Bt Che Hak
54.		Puan Siti Hatijah Bt Abdul Hamid
56.	KUALA KRAI	Puan Sepiah Bt Saamah
57.		Puan Zawiah Bt Mohd Yazit
58.		Puan Hajjah Fatimah Bt Hj Daud
59.		Puan Azizah Bt Yaakub
60.		Puan Siti Eshah@ Zamrah Bt Hassan
61.		Puan Che Zarimah Bt Mohammed
62.		Puan Zawayah Bt Loman
63.		Puan Zaharah Bt Muda
64.	KETEREH	Puan Nik Khadijah Bt Nik Mohd Amin
65.		Puan Hamidah Bt Ab Rahman
66.		Puan Che Gayah Bt Awanglah
67.		Puan Hajjah Azizah Bt Ahmad Zain
68.		Puan Siti Khalijah Bt Ismail
69.	Puan Bainah Bt Sulong	
70.	JELI	Puan Zainab Bt Daud
71.		Puan Che Azizah Bt Setapa
72.		Puan Siti Asihk Bt Md Husain
73.		Puan Zainab Bt Ab Hamid

SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2005

BIL	PARLIMEN	NAMA
74.	GUA MUSANG	Puan Hasmah Bt Mohamed
75.	PANCHOR	Puan Rahmah Bt Sulaiman
76.	TANAH MERAH	Puan Che Halipah Bt Che Mat Amin
77.		Puan Wan Kamariah Bt Wan Abdul Rahman
78.		Puan Sabariah Bt Che Harun
79.		Puan Siti Zaharah Bt Ishak
80.		Puan Mek Som @ Cik Som Bt Hassan
81.		Puan Che Som Bt Berhim

SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2007

BIL	PARLIMEN	NAMA
1.	PENGKALAN CHEPA	Puan Narma Bt Abd Rahman
2.		Puan Wan Ashiah Bt Wan Nawang
3.		Puan Che Esah Bt Hamzah
4.		Puan Sharipah Bt Hasan
5.		Puan Zawiah Bt Ab Ghani
6.		Puan Raja Kelthum Bt Raja Yusoff
7.	KUALA KRAI	Puan Fatimah Bt Awang Lah
8.		Puan Wan Siti Normah Bt Wan Ishak
9.		Puan Che Bidah @ Siti Zubaidah Bt S Mubarak
10.		Puan Napisah Bt Yusoff
11.		Puan Siti Robiah Bt Yusoff
12.		Puan Hjh Fatimah Bt Hj Daud
13.		Puan Wan Kembang Bt Muda
14.		Puan Lijah @ Khadijah Bt Hamat
15.		Puan Hasimah Bt Idrus
16.		Puan Rahmah Bt Yusoff
17.	Puan Rofiah Bt Jaafar	
18.	KOTA BHARU	Puan Hjh Wan Yam Bt Wan Sulaiman
19.		Puan Nik Kamariah Bt Nik Mustafar
20.		Puan Hjh Zaharah Bt Yusoff
21.		Puan Nor Bibi Bt Abdullah
22.		Puan Asmah Bt Junoh
23.		Puan Rohani Bt Yaakub
24.		Puan Che Halimah Bt Che Hussin
25.		Puan Hjh Sabariah Bt Ibrahim
26.		Puan Fahimah Bt Mahmood
27.		Puan Hjh Che Anisah Bt Hj Che Yahya
28.		Puan Rahimah Bt Mamat
29.		Puan Anisah Bt Che Daud
30.		Puan Faridah Bt Nor
31.		Puan Anisah @ Fatimah Bt Mohd Zain
32.		Puan Kamariah Bt Mat Daud
33.		Puan Che Kamariah Bt Muhammad
34.		Puan Anisah Bt Che Daud



SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2007

BIL	PARLIMEN	NAMA
35.	MACHANG	Puan Setawa Bt Daud
36.	TUMPAT	Puan Sabariah Bt Ismail
37.		Puan Rakiah @ Mek Embong Bt Yusoff
38.		Puan Azizan Bt Nik Mohamad
39.		Puan Hasanah Bt Harun
40.		Puan Fatimah Bt Ab Rahman
41.		Puan Anisah Bt Abdul Rahman
42.		Puan Meriam Zubaidah Bt Mahmood
43.		
44.		Puan Ummi Kalthom Bt Abdullah
45.		Puan Zalilah Bt Mat
46.		Puan Wan Esah Bt Wan Kadir
47.		Puan Ainon Bt Ahan
48.		Puan Jawahir Bt Daud
49.		Puan Hasbah Bt Sa'aid
50.		Puan Wan Hanisah Bt Wan Ibrahim
51.		Puan Selamah Bt Awang
52.		Puan Rokiah Bt Ab Rahim
53.	Puan Siti Hamlah Bt Mat Yuni	
54.	BACHOK	Puan Zawiyah Bt Mohamed
55.		Puan Shamsiah Bt Mohamad Saad
56.		Puan Che Esah Bt Mamat
57.	KUBANG KERIAN	Puan Hanasif Bt Yusoff
58.	KETEREH	Puan Hj Zainab Bt Abdullah
59.	TANAH MERAH	Puan Zainab Bt Kadir
60.		Puan Saudah Bt Mohd Salleh
61.	PASIR MAS	Puan Siti Esah Bt Daud
62.		Puan Wan Zinah Bt Wan Mat
63.		Puan Rugayah Bt Mustafha
64.		Puan Ramlah Bt Said
65.		Puan Habsah Bt Loman
66.		Puan Siti Zaharah Bt Yaacob
67.		Puan Hasmah Bt Yaacob
68.		Puan Sapinah Bt Hj Mohd Daud
69.		Puan Hafsah Bt Mat Husain
70.		Puan Hamidah Bt Hamat

SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN PARLIMEN 2007

BIL	PARLIMEN	NAMA
71.	GUA MUSANG	Puan Zakiah Bt Yaacob
72.		Puan Hasmah Bt Mohamad
73.		Puan Zainun Bt Mahmood
74.		Puan Fatimah Bt Mohamed Noor
75.		Puan Noor Halida Bt Hassan
76.		Puan Aina Bt Zakaria
77.		Puan Wan Azizah Bt Abdullah
78.	PASIR TUMBOH	Puan Samihah Bt Abd Aziz
79.	PASIR PUTEH	Puan Minah Bt Ali
80.		Puan Rasiah Bt Muhmad
81.		Puan Tuan Zarah Bt Tuan Senik
82.		Puan Mazirah Bt Ma'arof

SENARAI TOKOH SURI MITHALI DUN 2017

BIL	PARLIMEN	DUN	NAMA
1.	MACHANG	Temangan	Datin Hajah Hasnah Bt Salleh
2.		Kemuning	Puan Shamsiah Bt Mat Adam
3.		Pulai Chondong	Puan Rahimah Bt Jusoh
4.	KOTA BHARU	Tanjong Mas	Puan Hajah Rahimah Bt Deraman
5.		Bunut Payong	Puan Nasma Bt Ibrahim
6.		Kota Lama	Puan Fatimah Bt Yacob
7.	TANAH MERAH	Bukit Panau	Puan Kamariah Bt Wahab
8.		Kemahang	Puan Zaini Bt Abdullah
9.		Gual Ipoh	Puan Lailani Bt Hamzah
10.	PENGKALAN CHEPA	Chempaka	Puan Hajah Aminah Bt Ismail
11.		Panchor	Puan Wan Norarini Bt Wan Ibrahim
12.		Kijang	Puan HjH Nik Zainab Bt Nik Ibrahim
13.	PASIR MAS	Pengkalan Pasir	Puan Wan Zaharah Bt Wan Daud
14.		Tendong	Puan Kelsom Bt Haron
